

Jilid II
Bil. 44



MALAYSIA

Hari Selasa
23hb Januari, 1973

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5471]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 20 dan 21 [Ruangan 5506]

Kepala B. 22 [Ruangan 5586]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5505]

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala P. 20 dan 21 [Ruangan 5506]

Kepala P. 22 [Ruangan 5586]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 23hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- " Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- " Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- " Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- " Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- " Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- " Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- " Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- " DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.K., J.M.N., S.M.K. (Tumpat).
- " Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- " TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- " PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- " DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- " TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- " DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- " CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- " TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- " TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- " AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- " TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- " TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- " TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVERATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN HAJI MUHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMED FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF P.M.N., P.J.K. (Dilantik).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RANCANGAN PERUMAHAN KE KAMPUNG MELAYU

1. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan memulakan Rancangan Perumahan harga-rendah ke kampung-kampung Melayu yang terletak jauh di tepi pantai dan ke rumah-rumah panjang Dayak di Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, ini adalah kali yang keenam soalan yang sama telah dikemukakan. Soalan yang sama telah dijawab di Dewan ini sebanyak lima kali (iaitu, pada 9hb Mac, 1971, 16hb Julai, 1971, 10hb Disember, 1971, 11hb April, 1972 dan sekali lagi pada 10hb Ogos, 1972).

Saya hanya boleh mengesyorkan supaya Ahli Yang Berhormat membaca sekali lagi jawapan yang lengkap yang telah saya beri bagi soalan yang serupa pada 10hb Ogos, 1972, oleh kerana saya tidak bercadang mengulang perkara yang sama itu berbalik-balik.

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Soalan ini sudah berapa kali ditanya dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, di Malaysia Timur rakyat-rakyat yang miskin kebanyakan kaum bumiputra

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa soalan tambahan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan saya, di Malaysia Timur rakyat-rakyat yang miskin kebanyakan bumiputra. Adakah Kerajaan bersetuju mencari satu jalan dengan betul-betul supaya dapat menolong dengan mengadakan perumahan harga murah kepada orang-orang yang miskin itu.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab atas pertanyaan yang seumpama itu sebanyak lima kali di dalam Dewan ini. Ahli Yang Berhormat kenalah merujuk kepada jawapan-jawapan yang telah dirakamkan dalam rekod-rekod dahulu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tidak boleh lagi.

HIPPIES MEMASUKI MALAYSIA— MENGHALANG

2. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memandangkan bahawa beliau telah memberi kebenaran kepada pihak-pihak berkuasa Imigresen supaya menghalang hippy-hippy dari memasuki Malaysia, menyatakan bagaimana beliau bercadang hendak bertindak dengan hippy-hippy tempatan yang kebanyakan mereka yang ketagehkan madat.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberi tafsiran apa maknanya hippy tempatan atau "local hippies". Jika hanya dimaksudkan terhadap orang-orang yang berambut panjang sahaja tidaklah dapat saya mengambil tindakan sebab hak asasi mereka adalah dilindungi oleh Perkara 5 (1) Perlembagaan. Kecuali mereka itu melakukan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang tertentu dalam mana pihak yang berkuasa seperti kastam dan polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

Bagi orang-orang yang ketagehkan madat, Kerajaan adalah sedar tentang bahayanya ancaman madat itu. Oleh yang demikian, satu jabatan khas yang dinamakan Biro Pencegah Nakotik telah ditubuhkan pada 1hb Oktorber, 1972 di bawah janaan Yang Berhormat Peguam Negara untuk mengatasi segala masalah yang bersangkutan dengan madat.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya bersetuju sangat dengan menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan hippy-hippy yang masuk ke negara kita melalui di Padang Besar

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa pertanyaan Ahli Yang Berhormat bersangkutan dengan soalan ini?

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak menceritakan dahulu

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ber-cerita tidak boleh beritahu, bertanya boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Hippi-hippi yang masuk ke negeri kita selalu mereka memakai topi, rambutnya masuk ke dalam topi. Apabila sudah lepas masuk ke negara kita, topinya dibuka dan ditukar pakaian yang kotor. Kalau Menteri hendak tahu di mana mereka ini berada pergi ke Setesyen Keretapi Butterworth.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa pertanyaan Yang Berhormat? Itu cerita sahaja.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tahu (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Sudah tahu! Kalau tidak ada soalan, boleh duduk.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Menteri pergi ke Setesyen Keretapi Butterworth?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu boleh tanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tangkap orang ini dan buang mereka ini keluar negeri.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya tidak tahu apa sebab saya hendak pergi ke setesyen keretapi itu. Kalau misalnya mereka yang ada di setesyen keretapi itu rambutnya sudah panjang, tentulah mereka boleh dikeluarkan daripada negeri kita, kalau betul-betul mereka hippi. Tiap-tiap barang yang masuk itu mesti keluar, Tuan Yang di Pertua (*Ketawa*).

PINJAMAN KEPADA KERAJAAN PULAU PINANG

3. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah pinjaman yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Pulau Pinang sehingga 1hb Mei, 1969, 1hb Mei, 1970, 1hb Mei, 1971 dan 1hb Oktober, 1972; dan

- (ii) jumlah bantuan Persekutuan yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tiap-tiap tahun yang berikut, 1969, 1970 dan 1971.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Jumlah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah seperti berikut:

Sehingga 1hb Mei, 1969 ...	\$ 34.1 juta
Sehingga 1hb Mei, 1970 ...	68.8 juta
Sehingga 1hb Mei, 1971 ...	71.0 juta
Sehingga 1hb Oktober, 1972	100.8 juta

- (ii) Jumlah pemberian yakni grant Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tiga tahun itu ialah seperti berikut:

1969	\$7,029,741
1970	7,011,373
1971	8,966,987

JADUAL WAKTU KELAS UGAMA— MENGUBAH

4. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah sekolah pengembang Ugama Kristian di Pulau Pinang mengadakan kelas-kelas Ugama Islam sama masanya dengan kelas-kelas Sains dan Ilmu Hisab, yang mana pelajar-pelajar Melayu terpaksa mengorbankan kelas-kelas Sains dan Ilmu Hisab yang mustahak itu; jika sedar, bolehkah Kerajaan mengarahkan sekolah-sekolah tersebut mengubah jadual waktu sekolah supaya pelajar-pelajar itu boleh menghadiri kelas-kelas Ugama dan juga kelas-kelas Sains dan Ilmu Hisab.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1968 Kementerian Pelajaran telah menetapkan bahawa sewaktu murid-murid beragama Islam menghadiri kelas Ugama Islam murid-murid yang bukan beragama Islam hendaklah menghadiri kelas-kelas bahasa ibunda sendiri seperti kelas Bahasa Cina atau Bahasa India.

Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mengetahui ada sekolah-sekolah yang melanggar peraturan ini, saya minta Ahli Yang Berhormat itu menamakan sekolah-sekolah tersebut supaya dapat saya menyiasatnya.

KESATUAN EKONOMI EROPAH— KEMASUKAN BRITAIN

5. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan kesan-kesan dari kemasukan Britain ke dalam Masyarakat Ekonomi Eropah dari segi ekonomi Malaysia. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Menteri ini untuk mengelakkan kesan-kesan buruk itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, lebih kurang 7% daripada jumlah eksport Malaysia mendapat pasaran di United Kingdom tiap-tiap tahun. Dengan kemasukan United Kingdom ke dalam Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) pada 1-1-73, Keutamaan Tarif Commonwealth (Commonwealth Tariff Preferences) yang telah diberikan kepada eksport-eksport Malaysia akan dimansuhkan pada akhir tahun 1973. Mulai 1-1-74, United Kingdom akan mengenakan secara berperingkat-peringkat Tarif Luar Bersama E.E.C. (E.E.C. Common External Tariff) sehingga Tarif ini dikenakan sepenuhnya pada bulan Julai, 1977. Pemsuhan keutamaan-keutamaan Commonwealth dan pengenaan berikutnya Tarif Luar Bersama Kesatuan Ekonomi Eropah akan mempunyai kesan kepada beberapa jenis eksport Malaysia, terutamanya minyak kelapa sawit, minyak kelapa dan nanas dalam tin. Lain-lain eksport utama seperti getah, bijeh timah, kayu-kayan dan lada hitam tidak akan terjejas oleh kerana barangan-barangan ini telahpun menikmati kemasukan tanpa cukai ke dalam Kesatuan Ekonomi Eropah. Berkenaan dengan tiga barangan yang terjejas itu, barangan-barangan ini akan menghadapi keadaan persaingan yang kurang baik jika dibandingkan dengan barangan-barangan yang sama yang berasal daripada negara-negara yang bersekutu dengan Kesatuan Ekonomi Eropah, yang dibenarkan kemasukan tanpa cukai ke dalam pasaran Kesatuan tersebut. Tarif Luar Bersama yang penuh bagi minyak kelapa sawit, minyak

kelapa dan nenas dalam tin adalah 6%, 10% dan 24% tiap-tiap satunya.

Pada umumnya, kesan-kesan kepada ekonomi Malaysia berikutan dengan kemasukan United Kingdom ke dalam Kesatuan Ekonomi Eropah tidaklah begitu teruk. Jika sekiranya kemasukan United Kingdom ke dalam Kesatuan tersebut pada akhirnya akan membawa kepada kegiatan-kegiatan perniagaan dan ekonomi yang lebih cergas di Pasaran Bersama itu, ianya akan membangkitkan permintaan yang lebih dan ini akan memberi peluang-peluang yang lebih besar lagi eksport-eksport Malaysia.

Berhubung dengan tiga jenis barangan yang akan terjejas itu iaitu minyak kelapa sawit, minyak kelapa dan nenas dalam tin, Kementerian saya adalah mengawasi dengan teliti kedudukan perkara ini dan akan berusaha mengadakan perbincangan dengan Kesatuan tersebut pada masa yang sesuai untuk mendapatkan syarat-syarat yang lebih baik lagi kemasukan barang-barang tersebut ke negara-negara Kesatuan itu. Sementara itu Malaysia bersama-sama dengan lain-lain negara ASEAN telahpun mengadakan dialog dengan pihak Kesatuan Ekonomi Eropah kearah mendapatkan syarat-syarat kemasukan yang lebih baik lagi bagi semua jenis barang yang dapat dieksportkan oleh negara-negara ASEAN dan ini termasuklah minyak kelapa sawit, minyak kelapa dan nenas dalam tin yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hum: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkenaan dengan Soalan No. 5 dan berkenaan dengan repekasi itu. Bolehkah Menteri memberi dua contoh yang negeri kita boleh rugi apabila Britain memasuki Kesatuan Ekonomi Eropah?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu dengar, saya kata akibat daripada kemasukan Britain ke Kesatuan Ekonomi Eropah tidak merugikan. Jadi tidak ada contoh yang hendak diberi.

Tuan Ng Hoe Hun: Sampai pada masa sekarang beberapa mesyuarat telah diadakan dengan Britain dan siapa-siapa mewakili Kementerian untuk berunding dengan negeri itu dan apa keputusan yang terakhir?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya berkehendakkan notis.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, kita tahu Britain telah masuk Kesatuan Ekonomi Eropah dan kita pun tahu Malaysia ada berunding dengan lain-lain negeri kominis hendak menambah perniagaan kita. Pada masa sekarang ini kita dapat berapa banyak volume increase of trade with the communist countries?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya minta notis juga atas soalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu tidak bersangkutan dengan soalan asal juga.

PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA

6. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat mana telah terlaksana dasar Kerajaan hendak memberi Bumiputra 30% penyertaan dalam Perdagangan dan Perindustrian dan bagaimanakah kejayaannya.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya suka maklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Umar telahpun kemukakan soalan yang serupa di dalam Dewan ini pada 19-1-73 dan jawapan yang sewajarnya telahpun saya berikan kepadanya.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Kerajaan hendak memberi bumiputra 30% penyertaan di dalam perdagangan dan perindustrian, tetapi apakah sebabnya yang kuasa ada ditangan Kerajaan, peluang-peluang perniagaan tidak diberikan kepada bumiputra. Misalannya:

- (i) Agensi menjual tiket loteri di seluruh Malaysia tidak diberi kepada orang Melayu;
- (ii) Agensi menjual Empat Nombor Ekor itu Kerajaan berkuasa, mengapa tidak mahu diberi kepada bumiputra;
- (iii) Agensi menjual buku Dewan Bahasa dan Pustaka, itu ditangan Kerajaan, mengapa tidak diberi oleh Kerajaan, hanya cakap hendak menolong bumiputra, praktikalnya tidak, apa sebabnya?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat patutlah membaca Peraturan Mesyuarat 24. Soal atau pertanyaan tambahan itu boleh dilulus oleh Yang di Pertua, asalkan bersangkutan terbit daripada jawapan. Jikalau jawapan itu tidak terang, boleh ditanya balik dan tidak boleh ditanya sebagai soal tambahan jikalau tidak bersangkutan langsung dengan soalan asal. Jawapan Menteri tadi katanya telah dijawab pada 19 haribulan Januari, apa yang hendak disoal lagi atas jawapan itu? Saya tidak benarkan.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kasih, saya tidak faham.

BLOK TAMBAHAN HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—ANGGARAN

7. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) anggaran belanja mendirikan blok tambahan yang dicadangkan untuk Hospital Besar, Pulau Pinang; dan
- (ii) tarikh kerja-kerja membina itu akan dimulakan dan dijangka akan disiapkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Anggaran harga bagi mendirikan blok tambahan yang telah dicadangkan bagi Hospital Besar, Pulau Pinang, pada masa mengemukakan cadangan di peringkat permulaan Rancangan Malaysia Kedua, ialah \$3,090 juta.
- (ii) Projek ini telah dijadualkan untuk dimulakan perlaksanaannya dalam tahun 1973 dan dijangka siap lewat dalam tahun 1975 atau awal tahun 1976.

ANGKATAN TENTERA—LATIHAN

8. Tuan Peter Paul Dason (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menggunakan tentera yang ada sekarang bagi kemajuan sosial dan ekonomi Negara kita.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat itu maklum, Angkatan Tentera

mempunyai peranan mereka tersendiri dan peranan utamanya ialah mempertahankan negara dari serangan bersenjata atau ancaman serangan seperti itu samada dari dalam ataupun luar negeri. Untuk membolehkan mereka menjalankan tugas itu, anggota angkuta Angkatan Tentera terpaksa menjalani latihan-latihan dari semasa ke semasa.

Pada masa ini Angkatan Tentera kita adalah terlibat secara langsung dalam gerakan-gerakan keselamatan menentang penganas-penganas di kawasan Malaysia/Thai dan di Sarawak. Di samping menjalankan tugas keselamatan yang berat itu, mereka adalah juga menjalankan rancangan-rancangan pembangunan sosial dan ekonomi negeri ini. Terlalu banyak rancangan-rancangan yang telah dijalankan itu untuk saya sebutkan di sini satu persatunya dan memadailah jika saya berikan beberapa projek yang penting sahaja seperti:

- (1) Pembinaan Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Selangor.
- (2) Pembinaan padang bola di Tebedu, Sarawak.
- (3) Meratakan tanah seluas 3 ekar untuk Cheshire Home di Kuching, Sarawak.
- (4) Meratakan 1½ ekar tanah perkuburan Katholik Mission di Kuching, Sarawak.
- (5) Meratakan 4 ekar tanah untuk Sekolah Agama di Kuching, Sarawak.
- (6) Pembinaan Sekolah Agama di Kuching, Sarawak.
- (7) Pembinaan asrama-asrama belia untuk Yayasan Sabah di Tenom, Sabah.
- (8) Pembinaan projek jalan Silibukau dan jambatan Silibukau di Sarawak masih di dalam pembinaan.
- (9) Pembinaan 5½ batu jalan di Lumut, Perak masih lagi di dalam pembinaan.
- (10) Bantuan perubatan kepada orang awam. Sepanjang tahun 1971, 68,380 orang awam telah menerima rawatan perubatan daripada Kor Perubatan Angkatan Tentera (19,864 di Malaysia Barat dan 48,516 orang di Sabah dan Sarawak). Yang akhirnya, kerja-kerja menyelamatkan dan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Di kawasan Muda Scheme petani-petani sudah biasa menanam padi dua kali setahun, tetapi

overhead cost musim menuai sudah naik dan kadang-kadang tidak dapat langsung. Bolehkah Timbalan Menteri Pertahanan memberi order kepada Komander Tentera di kawasan Perairan Muda untuk menulung orang-orang petani dalam masa musim menuai?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, perkara-perkara ini bila berbangkit dari satu masa ke satu masa jika perlu kita akan menimbang. Saya suka menyatakan bahawa kita ada membuat gotong-royong, jikalau perlu dari satu masa ke satu masa bagi membuat jalan jikalau ada permintaan daripada orang kampung. Dan saya harap melalui Ahli Yang Berhormat bolehlah kita membuat kerjasama supaya dapat kita berdamping antara satu sama lain khususnya antara orang awam dan Angkatan Tentera kita.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya ada dengar Negeri Komunis ada menggunakan tentera untuk menulung petani-petani, tetapi apa sebabnya kita tidak menggunakan tentera kita untuk menulung petani-petani?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Sudah, Tuan Yang di Pertua. Saya rasa Ahli Yang Berhormat ini tidak faham Bahasa Malaysia. Bukan kata tidak boleh, tetapi kita buat dari satu masa ke satu masa.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Timbalan Menteri memberi satu memoranda dan menyuruh Komander itu menulung petani-petani?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya rasa, ini telah meliputi arahan-arahan yang telah diberi kepada Komander-komander Kem yang ada seluruh negara kita ini iaitu memberikan kerjasama kepada semua rakyat yang berkehendakkan pertolongan dari segi gotong-royong dalam projek Gerakan Jiwa Murni yang telah disebutkan. Ini adalah juga termasuk pada fikiran saya dalam Gerakan Jiwa Murni.

MAS DARI KUCHING KE KUALA LUMPUR

9. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Perhubungan samada tambang MAS dari Kuching ke Kuala Lumpur dan balik boleh dikurangkan

untuk menggalak lebih ramai lagi orang dari Sarawak melawat Malaysia Barat dan sebaliknya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, tambang bagi perkhidmatan di antara Kuching dengan Kuala Lumpur ialah \$158 bagi tambang penerbangan B 737 dan \$150 bagi tambang penerbangan F 27. Tambang bagi penerbangan B 737 ialah kurang sedikit daripada apa yang dikenakan oleh Syarikat M.S.A. dahulu. Juga mulai daripada 4hb Oktober, 1972 MAS telah mengadakan tambang excursion sebanyak \$195 pergi balik dibandingkan dengan tambang biasa sebanyak \$300 dengan penerbangan F 27. Syarikat MAS sedang mengkaji untuk mengadakan tambang-tambang yang lebih baik umpamanya dengan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan tours atau pelancong untuk penerbangan dari Kuching ke Kuala Lumpur.

Berhubung dengan ini MAS telahpun mengadakan penerbangan tambahan "Golden Jet Holiday" di antara Malaysia Timur terutama sekali yang jauh Kota Kinabalu, Sabah dan Malaysia Barat tetapi perkhidmatan ini tidak dapat sambutan yang memuaskan, sebab itu saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah yang dahulunya banyak telah membangkitkan perkara ini, di sini bahawa sudah diadakan 96 orang seminggu sekali pun tidak dapat penuh kapal terbang itu. Nanti kalau penuh, kita boleh sambung sampai ke Kuching, sampai di negeri saya juga Johor Bahru, apabila Lapangan Terbang Senai sudah siap kelak.

HARGA KELAPA—KESULITAN-KESULITAN

10. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah langkah dan tindakan yang dilakukan bagi membela kesulitan-kesulitan orangramai disebabkan merosotnya harga kelapa di kampung-kampung.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, oleh kerana saya telah memberi jawapan kepada perkara yang dibangkitkan di dalam soalan yang serupa iaitu

manakala saya menjawab pertanyaan No. 25 oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengenai perkara yang sama semalam (pada 22hb Januari, 1973), maka dengan ini saya dengan sukacitanya meminta Ahli Yang Berhormat merujuk atas jawapan yang tersebut.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Apa yang hendak ditambah, rujukkan balik kepada jawapan semalam. Kalau hendak tambah atas jawapan yang tepat. Tidak ada tambahan lagi. Tidak boleh.

SYARIKAT PERMODALAN BUMIPUTRA

11. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau bercadang untuk menjadikan Syarikat Permodalan Bumiputra di Malaysia, sebagai sebuah Syarikat Permodalan Kebangsaan dengan memberikan saham-saham percuma kepada rakyat seperti yang dibuat di Sabah dan Pahang.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini terdapat beberapa syarikat pelaburan Bumiputra yang ditubuhkan sebagai syarikat berhad persendirian yang saham-sahamnya adalah dipegang oleh Bumiputra. Kebanyakan daripada syarikat-syarikat ini telah mencapai kejayaan di dalam kegiatannya dan sedang berusaha dengan giatnya dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Daya usaha dan tenaga yang ditunjukkan oleh pemaju-pemaju dan pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat ini patutlah dipuji dan saya merasakan tidaklah adil bagi kita untuk mendesak mereka supaya menutup syarikat-syarikat mereka itu sebagai yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tindakan begitu hanya akan membunuh daya usaha dan kegiatan mereka yang merupakan faktor yang penting jika orang-orang Melayu dan lain-lain Bumiputra hendak maju dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu samalah seperti mengambil tindakan untuk "menghakangarakan" segala syarikat pelabur Bumiputra yang ada sekarang dan ini tentunya tidak sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang.

Selain daripada syarikat-syarikat pelabur ini terdapat juga lain-lain pertubuhan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan seperti Amanah Saham MARA, Kompleks Kewangan MARA dan Tabong Ekonomi Islam di mana boleh melaburkan modal mereka.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan mengetahui bahawa setengah syarikat permodalan kebangsaan yang ada dalam negeri ini, maka mereka itu sahaja membolot segala tanah-tanah yang dibuka oleh Kerajaan. Misalnya di negeri Perak, Syarikat Permodalan Melayu Perak, selagi ada tanah Malay Reserved dalam negeri Perak semua diambilnya kemudian usahanya bukan dia, "Ali Baba". Jadi apa hal orang Melayu dalam negeri Perak yang lain. Jadi apakah tindakan Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada mereka ini, sebab hanya segelintir manusia yang dapat faedahnya.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalnya yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini ialah samada Kerajaan bercadang hendak mengambil alih ataupun memansuhkan syarikat-syarikat pemodal bumiputra dan dijadikan satu syarikat pemodal kebangsaan. Pada pendapat saya kalaulah ada kejadian-kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, jawabannya ataupun cara hendak mengatasi bukanlah hendak menghapuskan syarikat-syarikat pemodal bumiputra ini, tetapi sekiranya didapati bahawa ada perkara-perkara yang tidak harus berlaku, yang tidak adil berlaku dikalangan syarikat-syarikat ini hubungannya dengan Kerajaan Negeri dan sebagainya, tolonglah bawakan perkara ini ke pengetahuan Kerajaan ataupun pejabat-pejabat yang berkenaan ataupun ke Kementerian supaya perkara ini akan dapat disiasat.

JALAN BESAR BAHAGIAN PERTAMA KE BAHAGIAN KELIMA

12. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilakah jalan besar daripada Bahagian Pertama ke Bahagian Kelima di Sarawak akan siap untuk kegunaan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan akan melaksanakan pembinaan jalan besar bagi menyambungkan Bahagian Pertama hingga ke Bahagian Kelima secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang disediakan. Adalah dijangka bahawa jalan ini akan siap dibina dan dapat digunakan pada akhir Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Awang Bungsu bin Abdullah: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga memberitahu, adakah betul atau tidak Kerajaan Negeri telah bersetuju mem-buatkan jalan-jalanraya 7 batu keliling di Limbang oleh sebab jalan itu sudah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama sehingga pada masa ini belum lagi ada Kerajaan Negeri memulakan membuat jalanraya yang tersebut itu. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kerja Raya dan Tenaga untuk jalanraya ini dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi arahan kepada Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, ini saya akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama, saya nampak berapa ribu ringgit sudah diberi kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga hendak membuat jalan ini, sekarang di mana perginya wang itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Wang ada.

Tuan Ng Hoe Hun: Ada wang, saya tahu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Per-untukannya kita sudah belanjakan, Tuan Yang di Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Menteri sudah jawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tahu, tetapi . . .

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Sudah tahu apa hendak ditanya lagi? (Ketawa).

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak buat soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Menteri sudah jawab, Ahli Yang Berhormat kata sudah tahu, sudah tahu duduklah.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya tahu Menteri kata sudah dibelanjakan, tetapi dibelanjakan di mana, tidak ada membuat jalan itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu oleh kerana Yang Berhormat itu tidak pergi ke negeri Sarawak, kalau dia pergi ke Sarawak, tentu dia nampak di manakah jalan-jalan yang sudah dibuat dan dibina.

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak boleh tanyakah dalam Dewan ini? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Boleh, kalau berbetulan dengan soalan atau pertanyaan yang asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Apa jawapannya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Menteri sudah jawab tadi, Ahli Yang Berhormat tidak dengar betul-betul.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya minta penjelasan, saya tidak dengar.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Baca dalam rekod esok.

DERMAGA AIR DALAM JOHOR

13. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah dermaga air dalam di Masai, Johor akan siap; dan
- (b) bilakah ia akan bermula menjalankan perdagangan entrepot.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, pembinaan Dermaga Air Dalam Pelabuhan Johor di Pasir Gudang (Masai) Johor Bahru akan dilakukan berperingkat-peringkat pada peringkat pertama kerja-kerja "Site Levelling", ataupun merata komplek kawasan pelabuhan, yang keduanya juga "dredging" atau mendalam tempat-tempat yang tohor dan pembinaan jeti minyak akan dilakukan. Kerja-kerja ini telahpun dimulakan dan dijangka siap pada bulan Ogos, 1973. Ini akan membolehkan

penyaluran daripada tangki-tangki minyak kelapa sawit daripada kawasan-kawasan Felda ke jeti tersebut di mana kapal-kapal seberat 25,000 tan boleh berlabuh. Kerja-kerja bagi pembinaan seluruh complex dermaga air iaitu termasuk "coastal berth" dan "ocean-going wharf" akan memakan waktu masa 2 atau 3 tahun dan dijangka siap pada bulan Februari, 1975. Complex ini akan digunakan untuk mengendalikan barang-barang keluaran dari kawasan berhampiran.

Seterusnya setelah peringkat pertama siap barulah pertimbangan akan dibuat bagi mengkaji cadangan dan cara hendak memperbesar Dermaga tersebut kiranya pada waktu itu diperlukan.

Pelabuhan ini adalah dirancang sebagai Pelabuhan terus-menerus dan bukan sebagai Pelabuhan entrepot. Khususnya pelabuhan ini akan digunakan untuk mengendalikan eksport dari Malaysia dan impot dari luar negeri dengan tidak melalui pelabuhan-pelabuhan yang berdekatan dengannya. Pelabuhan ini juga akan mengendali barang-barang dagangan antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur dengan seberapa dekat dan sebab itu tambangnya akan lebih murah lagi.

SYARIKAT-SYARIKAT PEGUAM

14. Tuan Mustapha bin Hussain minta Peguam Negara menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah syarikat-syarikat peguam yang digelar "establishment connections" sedang membolot semua urusan-urusan dan pekerjaan-pekerjaan perundangan dari badan-badan swasta, badan-badan berkanun dan bank-bank di mana "duit bola" disepak balik, dan bahawa keadaan rasuah dan curang ini boleh merosakkan masyarakat kita; jika sedar adakah Kerajaan akan meminda seksyen pentafsiran dalam Akta Mencegah Rasuah 1961 supaya badan-badan itu terkandung dalam istilah "public body".

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang di Pertua, badan-badan swasta, badan-badan berkanun dan bank bank dan sesiapa juga berhak memilih mana-mana syarikat peguam untuk menjalankan kerja-kerja undang-undang bagi pilihannya. Jika perkataan "duit bola" atau kick back

yang disebutkan dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bermakna wang rasuah yang diberi oleh Syarikat Peguam atau firm lawyer kepada mana-mana kakitangan badan-badan swasta, badan-badan berkanun atau bank maka ini adalah satu kesalahan rasuah di bawah seksyen 3 (a) (i) atau seksyen 3 (b) (i) Akta Pencegah Rasuah 1961. Dalam hal ini, bukti-bukti yang cukup hendaklah didapati dan diperolehi. Dari itu, pentafsiran istilah "public body" dalam Akta yang tersebut tidaklah timbul sama sekali. Ini tak payah dipinda undang-undang ini lagi.

SETESYEN BAS JALAN PEKELILING—PEMINDAHAN

15. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) memberikan sebab-sebab mengapa setesyen bas di Jalan Ampang akan dipindahkan ke Jalan Pekeliling; dan
- (b) menyatakan adakah beliau sedar bahawa pemindahan tersebut akan menyusahkan penumpang-penumpang.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):
Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tapaknya yang ada sekarang tidak sesuai untuk setesyen bas kerana ianya terletak di pusat bandar dan boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Ruangannya adalah terhad tanpa sebarang tempat-tempat berteduh untuk penumpang-penumpang dan tapaknya rendah dan sentiasa kena banjir.
- (b) Pemindahan tersebut ke Jalan Pekeliling tidak akan menimbulkan kesukaran kepada penumpang-penumpang dan sebenarnya ianya akan memberi kemudahan yang sempurna kepada mereka. Tapak yang dicadangkan itu adalah lebih luas dan tempat-tempat berteduh akan disediakan. Perjalanan yang mudah ke pusat bandar sedang dirancang supaya penumpang-penumpang boleh sampai ke tempat-tempat yang ditujukan dengan senang. Adalah juga diramalkan bahawa tidak ada sebarang bayaran tambang yang lebih akan

dikenakan kepada penumpang-penumpang akibat dari pemindahan tersebut.

"ALI BABA"—PERMIT KENDERAAN

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa prniagaan "Ali Baba" dalam berbagai permit kenderaan telah dibenarkan oleh Kerajaan sekarang; jika tidak, apa tindakan telah diambil atas perkara ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, lesen-lesen kenderaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan tidak boleh di "Ali Babakan". Walau bagaimanapun jika ada aduan diterima bahawa lesen-lesen kenderaan itu di "Ali Babakan", maka aduan itu akan disiasat dan jika benar akan diambil tindakan iaitu lesen akan dibatalkan. Saya meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada keterangan dan bukti-bukti yang cukup bahawa lesen-lesen itu telah di "Ali Babakan" supaya melapurkan kepada Kementerian saya. Bukti-bukti yang menunjukkan sesebuah lesen itu di "Ali Babakan" adalah perlu kerana ada kalanya aduan itu hanya kerana sakit hati atau fitnah semata-mata. Kita sudah siasat dua tiga perkara yang semacam itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa banyak daripada empunya-empunya lesen orang Melayu yang mendapat Permit A dan B tidak dapat menjalankan perusahaan kenderaan ini, kalau tidak mengadakan perkiraan ataupun berkongsi dengan orang yang bukan Melayu khususnya orang Cina. Apakah rancangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk membolehkan kejayaan orang Melayu dalam bidang pengangkutan ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu hendak minta saya sebagai Menteri Perhubungan mengajar macam mana hendak berniaga lori, begitu dan begini. Pengalaman saya banyak, tetapi kalau orang Melayu tidak bertukar corak macam mana dia boleh berkongsi dengan yang bukan Melayu yang banyak barang

mengadakan satu syarikat kerana mengumpul barang. Polisi ini tidak menyekat orang-orang Melayu dan bukan Melayu berkongsi mengumpul barang. Ada barang, baharu mereka mahu lori, tetapi lori jangan dipajak-gadaikan. Itulah yang boleh menguntungkan. Ini yang kita susah.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini Menteri Perhubungan telah memberi 26 permit teksi di Ipoh kepada Syarikat Kenderaan Orang Melayu Ipoh yang bernama Sri Jaya yang bergabung dengan bekas pasokan keselamatan dan juga orang-orang UMNO sebanyak 26 permit. Saya harap Menteri Perhubungan menyemak kembali dan menyiasat ke mana pergi 26 permit teksi itu sudah di "Ali Babakan".

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, ini perkara lain, tetapi sebagai makluman Ahli Yang Berhormat itu, saya telah menerima surat dan oleh kerana saya sibok bersidang di sini, belum sempat pergi ke Ipoh saya akan pergi dan saya akan betulkan, kalau mereka belum lagi membeli kereta dan sebelum apa-apa, kita akan beri tempoh, kalau habis tempoh, kita akan cancel lesennya, tidak ada kisah lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa orang-orang Melayu kebanyakannya tidak begitu berjaya dalam menjalankan perusahaan perniagaan kenderaan dalam Permit A dan B. Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan bercadang mahu menimbangkan satu cara iaitu memastikan semua Permit A dan B yang dikeluarkan di Malaysia Barat ini hendaklah dengan secara berkongsi antara orang Melayu dan orang yang bukan Melayu bagi mendapatkan perjalanan perniagaan dengan lebih teratur?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat ini tidak faham dasar yang kita telah luluskan bagi meminda undang-undang dan juga polisi. Dahulu kita mengadakan quota teksi sahaja, selagi quota Melayunya belum habis yang lain-lain bukan Melayu yang memohon, kita minta tangguh sampai penuh quota, tetapi oleh kerana hendak seimbangkan di dalam segi ekonomi segala-segalanya terutama sekali dalam pengangkutan yang mana Permit lori A ada 2,000

lebih bagi yang bukan Bumiputra, yang Bumiputra tidak sampai 200. Kalau hendak dibagi bersama-sama dengan bumiputra, bukan bumiputra bila kita hendak seimbangan, sampai dunia kiamat pun tidak seimbang lagi. Soal yang hendak diseimbangkan, kalau di kawasan Ahli Yang Berhormat di Dungun, orang Melayu ada 10 buah lori orang yang bukan Melayu ada 10, di situ dia boleh coordinate berniaga, boleh besar, jangan potong-memotong. Itu kita boleh nasihatkan, tetapi bagi seimbangkan, ini kita telah mengambil keputusan dalam tempoh 20 tahun 30% daripada ekonomi di dalam segala segi seberapa daya kita dapatkan bumiputra. Yang Berhormat ingatlah.

Tuan V. Veerappen: Adakah Kerajaan siasat sebab apa perniagaan "Ali Baba" dilakukan dalam negeri kita ini?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini tidak bersangkutan dengan soalan asal.

RADIO TALIPON DALAM TEKSI

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada penggunaan radio talipon dalam teksi-teksi boleh benar-benar membawa faedah kepada pemandunya; dan
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa alat itu juga boleh digunakan untuk kerja-kerja yang kurang baik dari segi keselamatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kementerian saya berpendapat bahawa penggunaan radio talipon dalam teksi-teksi boleh memberi faedah bukan sahaja kepada pemandu-pemandu bahkan juga kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan teksi dengan segera dan orang ramai tidak dikenakan bayaran di dalam perjalanan teksi itu datang ke tempat di mana teksi itu diperlukan. Penggunaan radio ini juga adalah untuk mencapai kemajuan yang setanding dengan negara-negara yang berkemajuan di dunia ini.
- (b) Syarikat-syarikat teksi yang mempunyai banyak bilangan teksinya boleh memohon untuk menggunakan radio

talipon dari Jabatan Talikom. Tetapi tiap-tiap permohonan akan disiasat oleh Jabatan itu dengan teliti terutama dari segi keselamatan untuk menentukan bahawa radio talipon itu tidak disalahgunakan. Setelah Jabatan itu berpuashati maka barulah dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu dan Jabatan tersebut adalah berkuasa menarik balik surat kebenaran itu jika radio talipon yang dipasang di teksi-teksi itu disalahgunakan atau digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana radio talipon yang ada dimotokar sewa ini mungkin mendatangkan kesulitan dari segi keselamatan, apakah jaminan dan peraturan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya radio talipon ini tidak akan mendatangkan kerosakan dari segi keselamatan di mana pemandu-pemandu yang berkenaan dikenakan satu peraturan, demikian juga kenderaan-kenderaannya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu, apabila kita hendak cuba, saya harap Ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan saya, kita akan cuba bukannya boleh kena sebarang sahaja, dia ada wave length, control di pejabatnya di sana. Kita ada hak monitoring. Kalau dia panggil kawannya, dia pas hendak ambil orang yang hendak buat jahat itu, masa itulah polis sudah ada di sana dahulu dan lagi kalau orang hendak merompak menggunakan talipon itu, polis sudah ada di situ. Tetapi saya tidak boleh bercakap lebih mendalam lagi di sini, kerana maklum ini masuk dalam security angle.

MAS—PENDARATAN DI BRUNEI

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) samada benar bahawa sehingga ini MAS belum lagi mendapat kebenaran untuk mendarat di Brunei; jika ya, kenapa; dan
- (b) syarikat penerbangan manakah yang menggantikan MAS untuk membawa penumpang-penumpang di antara kedua negara.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua,

- (a) MAS telahpun diberi kebenaran mendarat di Brunei dan telah mengadakan perkhidmatan ke Brunei mulai daripada 12hb Jan, 1973.
- (b) Perkara ini tidaklah berbangkit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Perhubungan memberitahu sedikit kepada Dewan yang mulia ini tentang persetujuan yang telah dibuat bagi membolehkan MAS mendarat di Brunei dan begitu juga timbal balik dalam hal yang tersebut?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, mengikut peraturan-peraturan perjanjian-perjanjian international yang ditandatangani tempoh hari ialah baharu di initial. Pada satu waktu nanti ditandatangani bagi pihak Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia kita dan agreement-agreement ini dibentangkan di sini dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membacanya, tetapi sekarang ini premature, belum lagi kita sign sungguhpun sudah initial. Tunggulah dahulu, sabar.

PINJAMAN-PINJAMAN MARA

19. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada benar bahawa MARA banyak memberi pinjaman kepada orang-orang yang bukan benar-benar berminat hendak berniaga atau menjalankan perusahaan dan samada benar bahawa banyak pemimpin-pemimpin UMNO mendapat pinjaman-pinjaman ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, soalan yang pertama tidak betul. Soalan yang kedua, MARA tidak ada mempunyai rekod tentang fahaman politik bagi tiap-tiap orang yang hendak membuat pinjaman itu.

NELAYAN PANTAI PULAU LANGKAWI

20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan

samada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan pantai di Ayer Hangat, Pulau Langkawi yang biasanya menangkap udang telah hilang mata pencarian mereka kerana gangguan nelayan-nelayan dari negeri Thai, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menjamin mata pencarian nelayan-nelayan di sini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, Kementerian ini tidak sedar bahawa ada nelayan-nelayan pantai yang menangkap udang di Ayer Hangat Pulau Langkawi telah kehilangan mata pencarian mereka kerana gangguan nelayan-nelayan dari Negeri Thai. Semua bot-bot dan pukat-pukat bagi penangkapan ikan dan udang di Pantai Perairan Malaysia adalah dilesen. Lesen-lesen hanya dikeluarkan setelah Jabatan Perikanan menilai sumber-sumber Pantai di Negeri-negeri yang berkenaan.

Kerajaan sentiasa menjalankan perondaan untuk mengawal syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan itu. Walau bagaimanapun, jika ada kejadian gangguan yang bertujuan merusakkan pendapatan nelayan-nelayan pantai; Kementerian ini adalah sentiasa mengarahkan Jabatan Perikanan bagi mengambil tindakan-tindakan yang segera.

HARGA DAGING—KENAIKAN

21. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada benar kenaikan harga daging lembu dan kerbau sekarang adalah disebabkan kekurangan binatang-binatang itu terutama di Perairan Muda yang dahulunya menjadi tempat ternakan binatang-binatang tersebut, jika ya, apakah langkah yang akan dijalankan untuk mengatasi kekurangan itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, memang terdapat kenaikan harga daging pada masa ini, umpamanya di Kuala Lumpur dari \$2.20 ke \$2.40 sekati. Kenaikan harga daging ini bukanlah kerana kekurangan lembu dan

kerbau tetapi adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut:

- (i) Jualan daging yang bertambah terutama sekali kerana musim-musim perayaan dan kedua kerana dengan kejadian wabak penyakit demam babi, lebih banyak dari biasa orang-orang Cina yang memilih daging lembu dari membeli daging babi;
- (ii) Sebab yang paling penting sekali bagi kenaikan harga daging ini ialah kerana kenaikan harga yang dibayar oleh Pemborong-pemborong, Pembekal-pembekal dan Penguna-penguna.

Sungguhpun benar bilangan lembu dan kerbau semakin berkurangan di Daerah-daerah yang telah mengusahakan tanaman padi dua musim setahun tetapi usaha-usaha dan ikhtiar sedang dijalankan bagi mencari tempat lain yang berhampiran dengan kawasan sawah ini untuk petani-petani menjalankan pemeliharaan lembu dan kerbau. Langkah-langkah lain pun telah diambil untuk menambah pengeluaran dari punca-punca lain. Bagi jangka panjang Kementerian ini telah menubuhkan Lembaga Perusahaan Haiwan Negara untuk melaksanakan perusahaan-perusahaan pemeliharaan lembu dengan cara besar-besaran. Rancangan-rancangan pawah juga akan diperluaskan lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana harga daging bertambah naik sekarang ini, apa yang saya tahu ialah disebabkan oleh harga belian oleh penyembelih-penyembelih itu lebih mahal. Ini mungkin kerana kekurangan lembu ataupun kerbau. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini tentang usaha-usaha yang telah dijalankan dalam bidang membanyakkan lembu, khasnya dalam rancangan-rancangan L.K.T.P. sepertimana mengikut apa yang saya tahu banyak peserta-peserta memohon untuk mendapatkan lembu pawah tetapi tidak begitu berjaya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi rancangan daripada Lembaga Perusahaan Haiwan pada masa ini akan membuat 6 rancangan yang besar bagi pusat pembiakan lembu-lembu

dan juga kerbau di seluruh negara, yakni Perak, di Behrang Hulu ada seluas 200 ekar kawasan dan ada sebanyak 250 ekor lembu yang telah dibela di sana dan di Negri Sembilan, di Jelai, Gemas satu kawasan sedang diusahakan di sana untuk berternak dan juga di Tersat, Trengganu dan Johor di Padang Hijau, Pahang, di Pahang Tenggara dan juga di Sarawak kawasan sedang disiasat. Tiap-tiap satu rancangan ternakan ini dijangka tidak kurang daripada 2,500 ekar untuk memelihara bagi satu kawasan untuk 2,500 ekor lembu-lembu betina dan ini kita jangka adalah akan mengeluarkan lebih banyak lagi jumlah daging dalam negara ini.

UBAT SUNTIKAN DEMAM BABI

22. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada ubat suntikan mencegah penyakit demam babi boleh diberi dengan percuma kepada Pemelihara-pemelihara babi di negeri ini untuk mengelakkan berlakunya lagi penyakit demam babi yang mengakibatkan kerugian kepada Pemelihara-pemelihara babi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, harga ubat suntikan bagi mencegah penyakit demam babi yang dikenakan kepada Pemelihara-pemelihara babi ialah sebanyak 40 sen sedos bagi seekor babi. Bayaran ini sangatlah berpatutan dan dijangka tiada akan menimbulkan kesusahan kepada penternak-penternak babi bagi melindungi ternakan-ternakan dari penyakit demam babi yang merbahaya itu. Oleh hal yang demikian, Kementerian ini tiada bercadang untuk membebaskan bayaran yang dikenakan untuk ubat suntikan penyakit demam babi itu.

Bahagian Perkhidmatan Haiwan akan menubuhkan unit penyakit demam babi di Instituit Penyelidikan Haiwan di Ipoh dan langkah-langkah telahpun diambil untuk mendapatkan jenis ubat suntikan yang sesuai. Apabila ubat suntikan yang sesuai telah didapati berserta dengan alat kelengkapan-nya maka harus ada kemungkinan untuk menimbangakan semula bayaran yang dikenakan bagi tiap-tiap satu dos suntikan itu.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sungguhpun Kerajaan akan menimbangakan balik perkara ini tetapi

adakah Kerajaan sedar iaitu orang-orang yang membela babi pun orang miskin juga dan kalau dia kena bayar 40 sen untuk seekor babi kalau dia ada seekor babi 16 ekor anak, sudah jadi 17 ekor. Dengan kerana itu mungkin susah dan keputusan Kerajaan ini tidak patut kerana Kerajaan pun belanja banyak untuk membaiki babi-babi yang dikeluarkan dan untuk rakyat di sini boleh bela babi banyak lagi. Dengan kerana itu bukan sahaja orang yang membela babi itu rugi tetapi Kerajaan sudah rugi dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan pun rugi juga. Oleh hal yang demikian, saya minta bolehkah Kerajaan timbang balik perkara ini dan kalau boleh lakukan semacam itu lagi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, agak ganjil kalau hendak menceritakan soal babi dengan saya dalam perkara ini, tetapi walau bagaimanapun perkara ini suka-lah saya menerangkan soal kerugian tidak berbangkit langsung. Sebagaimana yang saya telah difahamkan oleh pegawai-pegawai haiwan, saya sendiri tak tahu—seekor babi yang ditenak di dalam masa 7 hingga 8 bulan boleh dijual dengan harga \$120 hingga \$150. Jadi dengan harga yang semacam ini kalau mereka ini mengeluarkan 40 sen harga ubat suntikan yang tahan setahun, saya fikir ini tidak menjadi halangan kepada penternak-penternak babi.

Tuan V. Veerappen: Adakah Kerajaan beri pelajaran kepada orang-orang yang bela babi, mereka boleh terima apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Perkara ini akan ditimbangakan.

Tuan Chan Yoon Onn: Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan adakah cukup ubat di dalam negeri kita iaitu anti-swine fever.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, cukup.

Tuan Edwin anak Tangkun: Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang memberi dengan percuma ubat-ubat suntikan penyakit demam babi itu kepada orang-orang di rumah-rumah panjang Dayak ataupun Iban di Sarawak.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Sudah dijawab tadi.

KEMALANGAN LETRIK DI PARIT BUNTAR

23. Tuan Chan Yoon Onn (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apa tindakan yang akan diambil terhadap Lembaga Letrik Negara Parit Buntar berkenaan dengan satu trajidi yang berlaku di sana pada 13hb September, 1972 di mana 4 orang telah terbunuh, jika tidak mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, satu pemeriksaan awal oleh Pemeriksa Letrik (Utara) dan pemeriksaan selanjutnya oleh Ketua Pemeriksa Letrik telah dilakukan terhadap kemalangan yang berlaku itu. Lapuran-lapuran itu telahpun dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya, Pulau Pinang pada 1hb November, 1972 untuk tindakan selanjutnya. Langkah ini adalah bersesuaian dengan seksyen 80 (3) Ordinan Letrik, 1949.

PIALA THOMAS DAN PIALA ALL ENGLAND

24. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya Piala Thomas di anggap sebagai lebih rendah tarafnya dari Piala All England dalam pertandingan badminton; dan
- (b) sebab-sebabnya Rudy Hartono sebagai penyandang kejohanan perseorangan dalam pertandingan Piala Thomas dan Piala All England tidak diakui sebagai johan badminton sedunia tetapi hanya digelar sebagai johan tidak-rasmi badminton sedunia.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Piala Thomas adalah bagi pertandingan Kejohanan Antarabangsa Antara-Pasukan (Inter-Nation Inter-Team Championship), sedangkan Piala Seluruh England (All England Cup) adalah piala pertandingan kejohanan perseorangan terbuka. Adalah tidak

begitu tepat dengan mengatakan satu piala itu lebih rendah tarafnya oleh kerana kedua-duanya adalah acara-acara yang berbeza sekali.

- (b) Rudy Hartono adalah johan perseorangan Kejohanan Badminton Seluruh England buat masa ini tetapi perkara ini tidaklah boleh dikatakan sama apabila dirujukkan kepada piala Thomas atas sebab-sebab yang dinyatakan tadi.

Pertandingan Piala Thomas dijalankan tiga tahun sekali dan mana-mana pasukan kebangsaan mengandungi tidak kurang dari 4 orang pemain dan tidak lebih dari 6 orang yang akan bermain sebanyak 5 kali perseorangan dan 4 bergu selama dua hari.

Pertandingan Seluruh England adalah serupa dengan Kejohanan Badminton Kebangsaan Terbuka di mana pemain-pemain luar adalah dijemput bertanding dalam kejohanan perseorangan. Mungkin kedudukan ilmu alam menyebabkan England menjadi tumpuan pemain-pemain badminton seluruh dunia ke pertandingan yang diadakan itu. Dengan tidak adanya pertandingan rasmi dunia pada masa ini yang disebabkan oleh masalah kewangan yang berat, pertandingan Seluruh England telah dianggapkan oleh beberapa pihak sebagai pertandingan dunia tidak rasmi dan pemenang-pemenang di dalam pertandingan ini juga dianggap sebagai johan-johan tidak rasmi dunia.

Baru-baru ini Persekutuan Badminton Antarabangsa meminta Indonesia menjadi tuanrumah bagi "World Indonesia Invitation Championships" yang dijalankan daripada 11-13hb November, 1972 di Jakarta. Pertandingan ini merupakan percubaan bagi menentukan samada dapat atau tidaknya Kejohanan Dunia pada masa hadapan dikelolakan kelak.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini berkenaan dengan planning dan training yang akan diadakan untuk pemain-pemain Piala Thomas negara kita untuk memenangi balik piala itu pada masa yang akan datang?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soal training tak masuk dalam soalan yang asal. Itu soalan lain dan tak bersangkutan langsung.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan kita sudah menyokong kemasukan Negeri Cina ke dalam United Nations adakah Kerajaan sekarang menyokong negeri Cina masuk menjadi ahli IBM?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, itu adalah soalan lain yang tidak bersangkutan dengan Piala Thomas.

SISTEM PERKHIDMATAN BAS— MEMODENKAN

25. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi memodenkan sistem pengangkutan bas di kawasan Kuala Lumpur oleh kerana banyak terdapat rungutan tentang bas-bas buruk yang selalu rusak, bas-bas yang tidak selisa, bas-bas yang penuh sesak dan perkhidmatan yang tidak cukup yang menyebabkan penumpang-penumpang lewat ke tempat kerja pada sebelah pagi dan lewat makan malam di rumah pada sebelah petang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya adalah sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memodenkan sistem perkhidmatan bas di kawasan Kuala Lumpur dengan melarang bas-bas yang buruk, selalu rusak dan berbahaya daripada digunakan. Di sepanjang tahun 1972 sebanyak 71 bas baru telah ditambah untuk mengganti bas-bas yang telah lama dan juga sebagai bas tambahan.

Kekurangan bas di waktu pagi, tengahari dan petang tidaklah boleh dijadikan satu gambaran tentang kekurangan perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, kerana di waktu-waktu tersebut keadaan lalu-lintas terbuntu (congestion) dan perjalanan bas terganggu pada keseluruhannya. Keadaan seperti ini biasa berlaku di bandar-bandar besar di dunia.

Walau bagaimanapun satu Kajian Dasar dan Perancang Pengangkutan dan Jalanraya di Kuala Lumpur akan menjalankan kajiannya untuk mengatasi lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Di samping itu juga usaha-

usaha membesarkan jalan dan menambah bilangan bas sedang dijalankan dari masa ke semasa.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

FERI SUNGEI BERNAM— MENGGAJIKAN

26. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian bagi membina sebuah jambatan menggantikan Feri Sungei Bernam di sempadan Perak/Selangor yang sentiasa menempuh gangguan-gangguan dan kesulitan-kesulitan serta kemalangan-kemalangan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, daripada kajian yang telah dijalankan didapati bahawa perkhidmatan feri di Sungei Bernam di sempadan Perak/Selangor adalah mencukupi untuk menggalakan lalulintas di kawasan tersebut. Jabatan Kerja Raya Perak telah pun membeli sebuah "pontoon" dan "motor launch" yang baru untuk membaiki lagi kemudahan-kemudahan lalulintas di situ.

RANCANGAN SALIRAN TELUK BHARU/SUNGAI SIREH

27. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan memandang bahawa Rancangan Parit dan Taliair Sungai Sireh, Hilir Perak masih belum dimulakan walhal peruntukan telahpun dibuat berkali-kali, apakah yang menyebabkan rancangan ini selalu tergendala.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Rancangan Saliran Teluk Bharu/Sungai Sireh itu satu di antara 130 rancangan parit dan taliair yang telah dikemukakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua (1971-1975).

Mengikut jadual waktu di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, kerja pembinaan rancangan parit dan taliair ini

akan bermula pada tahun 1974 dan dijangka siap pada tahun 1975. Oleh hal yang demikian itu, rancangan ini tiada tergendala apa-apa.

FERI DIGANTIKAN DENGAN JAMBATAN

28. Dr A. Soorian minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan memandangkan kepada polisi Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, bahawa semua penyeberangan dengan feri akan digantikan dengan jambatan-jambatan:

- (i) berapa banyak lagi penyeberangan dengan feri akan digantikan dengan jambatan-jambatan; dan
- (ii) tarikh pengantiannya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Banyak perkhidmatan feri telahpun digantikan dengan jambatan-jambatan di seluruh Malaysia Barat ini. Saya suka memberikan sebahagian bilangannya sebagai contoh, di antaranya ialah feri di Muar, Batu Pahat serta beberapa buah feri di Pantai Timur umpamanya di Paka, Marang, Kemaman dan beberapa tempat yang lain.

Untuk melaksanakan polisi ini tindakan-tindakan sedang dijalankan mengikut keutamaan serta kedudukan kewangan yang ada. Ini termasuklah jambatan baru di Temerloh, Endau, Sabak, Jerantut dan Kuala Selangor. Bagi jambatan Endau, Sabak dan Temerloh kerja-kerja pembinaan sedang berjalan dan yang lainnya masih dalam beberapa peringkat rekabentuk. Kerajaan-kerajaan Negeri juga akan mengambil tindakan yang sama untuk menggantikan feri-feri tersebut umpamanya feri di Merchong, Pahang baru-baru ini telahpun digantikan dengan sebuah jambatan.

LATIHAN VOKESYENAL "NON-FORMAL"

29. Dr A. Soorian minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) bilakah rancangan latihan vokesyenal "non-formal" akan dilancarkan bagi belia-belua luar bandar yang datang ke kota-kota, tanpa pekerjaan;
- (ii) berapa anggaran perbelanjaan bagi latihan ini; dan

(iii) apakah harapan masa hadapan bagi mereka yang tamat latihan ini.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah:

(i) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperkenalkan rancangan latihan vokeshenal "non-formal" bagi belia yang menganggur dengan objektif berikut—

- (a) Bagi mengadakan Latihan Sambil Bekerja (vokeshenal) di peringkat daerah dan menyediakan belia-belua bagi mendapatkan pekerjaan.
- (b) Bagi melibatkan masyarakat tempatan dalam rancangan latihan belia sesuai dengan kehendak-kehendak mereka;
- (c) Bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dalam menyusun semula masyarakat dan memperkuat perpaduan negara.
- (d) Bagi meluaskan kemudahan-kemudahan latihan vokeshenal yang telah sedia ada.

Rancangan pertama telah dimulakan di Johor Bahru, Muar dan Kuantan dalam bulan September 1972. Sejumlah 82 orang pelatih-pelatih telah ditempatkan dalam 14 jurusan yang berbeza dan hasilnya sehingga ini sangatlah menggalakkan. Persediaan-persediaan sedang dibuat bagi mengembangkan rancangan ini ke Kedah, Selangor, Melaka dan Trengganu dalam bulan Januari 1973. Ini akan diikuti oleh negeri-negeri yang lain.

- (ii) Kementerian berharap akan melatih seramai 4,000 orang belia dalam berbagai-bagai jurusan kemahiran sehingga 1975 dan jumlah perbelanjaan bagi latihan ini dijangkakan sebanyak \$2.46 juta.
- (iii) Sebagaimana yang dinyatakan, objektif rancangan ini ialah bagi melengkapkan kemahiran vokeshenal kepada belia-belua yang menganggur dan menyediakan belia-belua bagi mendapatkan pekerjaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidaklah menjamin pekerjaan tetapi menjangkakan bahawa mereka akan mendapatkan pekerjaan dengan adanya latihan praktikal begitu

di sektor-sektor yang sesuai. Mereka yang berminat membuka perniagaan sendiri akan digalakkan berbuat demikian dan bantuan-bantuan yang sesuai akan diberikan kepada projek-projek yang boleh menguntungkan.

KERETAPI TANAH MELAYU— MEMODENKAN

30. Dr A. Soorian minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai bagi memperkemaskan (streamline) dan memodenkan semua Keretapi Tanah Melayu oleh satu kumpulan 5 orang pakar-pakar dari Canada yang telah dihantar ke sini selama 9 bulan oleh Canadian International Development Agency. Berapa anggaran perbelanjaan yang akan dikenakan di dalam kerja yang besar ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kumpulan 5 orang penasihat dari Canada itu telah mula bertugas di Pertadbiran Keretapi mulai bulan April, 1972. Selain daripada membuat kajian di atas bidang-bidang pentadbiran Keretapi, pakar-pakar tersebut juga menasihati, melatih dan bekerja bersama-sama dengan pegawai-pegawai tempatan di dalam cara-cara dan teknik baru di dalam semua lapangan pengurusan. Dengan cara-cara yang demikian maka berjayalah Pentadbiran Keretapi menentukan kesulitan dan kesukarannya di dalam semua lapangan, mencipta matlamat (set targets) dan merancang strategi perkhidmatan atas corak perniagaan supaya matlamat Pentadbiran, iaitu kedudukan kewangannya yang kukuh dan perkhidmatannya yang memuaskan, akan dapat diperolehi.

Penasihat-penasihat itu adalah dibiayai oleh Canadian International Development Agency. Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan ialah bayaran elaun hidup dan rumah dan ini adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang \$50,000 bagi masa 9 bulan itu.

TENTERA RAKYAT—KAJIAN

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pertahanan menyatakan oleh kerana beliau ada menyatakan yang beliau menyokong penubuhan Tentera Rakyat, bilakah agaknya Kerajaan akan menguatkuasakan.

Perdana Menteri: Kerajaan adalah sedang giat mengkaji perkara Tentera Rakyat dan

akan membuat satu keputusan yang sesuai sesudah kajian itu selesai.

WARGANEGARA—MENGELUARKAN SIJIL KERAKYATAN

32. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa orang-orang yang menjadi warganegara dengan kuatkuasa Undang-undang apabila mereka membuat permohonan untuk kerakyatan mereka telah diberitahu bahawa mereka tiada perlu berbuat demikian. Tetapi apabila mereka pergi ke Jabatan Imigresen untuk mendapatkan paspot mereka diminta menunjukkan Sijil-sijil Kerakyatan mereka. Jika sedar, adakah Kementerian beliau akan mengambil langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh beribu-ribu orang rakyat itu.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Adalah tidak benar bagi Ahli Yang Berhormat itu menyatakan:

“orang-orang yang menjadi warganegara dengan kuatkuasa Undang-undang apabila mereka membuat permohonan untuk kerakyatan, mereka telah diberitahu bahawa mereka tidak perlu berbuat demikian”.

Terlebih dahulu, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan bagi mengeluarkan sijil-sijil kerakyatan kepada mereka-mereka yang menjadi warganegara dengan perjalanan undang-undang, tidak seperti Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan berbagai State Nationality Enactments, dalam mana ada peruntukan membolehkan warganegara dengan perjalanan undang-undang memohon dan dikeluarkan dengan sijil-sijil kerakyatan.

Walau bagaimanapun, apabila seseorang di bawah kategori ini membuat permohonan untuk mendapatkan satu sijil oleh kerana ia berasa wahan tentang taraf kewarganegaraan atau berasa yang ia sepatutnya mempunyai satu sijil tersebut, maka Jabatan Pendaftaran akan mengkaji perkaranya. Sekiranya Jabatan tersebut mendapati bahawa bukti-bukti dokumen (documentary evidence) yang dikemukakan oleh pemohon itu mencukupi bagi mengesahkan yang ia adalah seorang

warganegara dengan perjalanan undang-undang, maka Jabatan itu akan mengeluarkan satu surat mengesahkan tarafnya. Surat ini, yang mengandungi butir-butir penuh berkenaan dokumen-dokumen yang dikemukakan untuk pengesahan itu, adalah bukti yang mencukupi untuk pengeluaran Paspot Malaysia.

Jika sekiranya, seseorang pemohon tidak dapat mengemukakan bukti yang memuaskan untuk mengesahkan yang ia adalah seorang warganegara dengan perjalanan undang-undang sungguhpun ia memegang kad pengenalan biru, permohonannya akan diperoseskan dengan jalan biasa dan satu sijil akan dikeluarkan di bawah mana-mana Perkara yang layak baginya dalam Perlembagaan.

Adalah jelas daripada peraturan di atas iaitu seseorang yang memohon sijil kerakyatan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang perlu untuk disahkan sebagai seorang warganegara dengan perjalanan undang-undang, akan dikeluarkan satu surat pengesahan (confirmatory letter).

Pihak Imigresen tidak meminta warganegara dengan perjalanan undang-undang mengemukakan sijil-sijil kewarganegaraan mereka.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

(Usul)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Jawatankuasa

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (22hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 20, B. 21, P. 20 dan 21—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, sebelum menyambung ucapannya, saya minta sekali lagi sebagai memperingatkan pesanan yang telah saya buat semalam iaitu saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat tolong pendekkan teguran atau ucapan mereka. Kalau tidak, masa persidangan akan dilanjutkan. Persidangan malam ini sampai pukul 9.00 malam dan boleh jadi melarat-larat sampai pukul 12.00 malam. Saya minta dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Saya ingin bercakap kira-kira 15 minit sahaja.

Menyambung ucapan saya semalam, Tuan Pengerusi, dalam bahagian Latihan Guru. Rakyat adalah mengharapkan rancangan Kementerian ini mulai tahun 1973 Latihan Perguruan Rendah dan Menengah disatukan dan dijalankan bersama. Dalam masalah ini gemar saya mengemukakan beberapa perkara.

Yang pertama, hendaklah diadakan maktab guru ugama. Saya tak payah kemukakan hujjah-hujjah oleh sebab saya sudah buat dalam ucapan Belanjawan tempoh hari.

Yang kedua, sukatan pelajaran latihan guru itu hendaklah dititikberatkan secara mendalam dalam masalah sejarah dan kebudayaan Malaysia sebab guru-guru itulah

yang kita harapkan akan mendidik dan melatih anak-anak kita dalam masaalah ini. Kita tak suka mendengar, Tuan Pengerusi, ada murid-murid kita berkata bahawa guru-guru itu menghina atau merendah-rendahkan sejarah dan kebudayaan Malaysia. Jadi perkara ini kita tidak hendak ditimbulkan oleh anak-anak kita disebabkan setengah guru-guru itu jahil dan tidak berapa gemar dengan kebudayaan dan sejarah kita.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian ini mengambil tindakan tegas kerana didapati setengah-setengah guru itu berniaga dan berpoya-poya. Jadi masaalah ini telah dibangkitkan juga oleh rakyat dalam negeri ini. Saya harap dalam masaalah berniaga dan berpoya-poya ini yang menjadi mangsanya anak-anak kita keciciran dan juga akan menjadi ikutan kepada anak-anak kita pula sebab dia kata apabila setengah guru-guru itu sudah berpoya-poya dia cuba pula hendak berpoya-poya. Saya harap guru-guru itu akan menerima semangat Allahyarham Aminudin Baki dan contoh tauladan amalan Profesor Ungku Aziz iaitu dalam bidang pendidikan untuk mengisi kurangnya tenaga cerdik-pandai dalam negeri ini.

Dalam masaalah pelajaran rendah, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh iaitu tambahan bilik darjah sahaja yang dikehendaki oleh Setiausaha Parlimen Kementerian ini semalam. Tetapi beberapa perkara yang saya fikir sangat penting ada hubungan dengan sekolah rendah samada bangunan lama atau baru perlu diperhatikan tandas, paip air atau perigi, jalan masuk sekolah dan juga bekalan letrik. Ini telah menjadi satu sungutan kepada ibubapa dan juga anak-anak kita waktu belajar di sekolah. Kita pernah menemui anak-anak kita dilanggar kereta waktu hendak minum air di rumah yang berjiran dengan sekolah itu dan menyebabkan murid itu maut.

Yang kedua, sekolah rendah yang berhampiran sama sekolah, lelaki atau perempuan, kebangsaan atau jenis kebangsaan, hendaklah disatukan di bawah satu pentadbiran pengurusnya.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, sekiranya disatukan di bawah satu jemaah pentadbir, ini akan dapat mengurangkan Kementerian ini mendirikan bilik-bilik baharu. Saya gemar beri satu contohnya di Sekolah Abdullah, Sungai Mati. Di kawasan itu juga ada sekolah jenis kebangsaan dan di kawasan itu

juga sekolah kebangsaan. Kalau disatukan pentadbirannya dan sekolah jenis kebangsaan ini lagi dua tahun dia akan gunakan sepenuhnya Bahasa Kebangsaan. Dengan keadaan yang macam ini saya fikir akan mengurangkan peruntukan perbelanjaan Kerajaan dan bantuan kerana bilik-bilik darjah ini kita boleh berikan kepada sekolah-sekolah yang mustahakkan bilik-bilik itu.

Satu perkara lagi dalam sekolah rendah ini, Tuan Pengerusi, saya fikir Kerajaan memandangkan pengajaran muzik ini adalah perlu. Oleh itu, saya mengesyurkan supaya diadakan pelajaran muzik dari peringkat rendah hingga sekolah menengah dan satu masa kelak Kementerian ini akan mengadakan sebuah akademik seni muzik sendiri. Masaalah sistem pelajaran dan lagu-lagunya terpulanglah kepada Kementerian ini mengaturnya yang sesuai dengan darjah. Saya tidak suka dibuat cara sambilan dalam masaalah pelajaran muzik ini dan saya harap pelajaran muzik ini juga supaya diajarkan di Talivisyen Malaysia kita.

Dalam sekolah menengah, sekolah-sekolah di kawasan yang menyedehkan kerana kurang bilik darjah tambahan terpaksa ditumpangkan di bangunan-bangunan lain, iaitu satu contohnya saya beri misal sekolah Menengah Bukit Gambir dan demikian juga bilik-bilik makmal sains, urusan rumahtangga, bengkel perusahaan Sekolah Menengah Tun Mamat. Dalam masaalah yang macam ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja sekolah yang saya sebutkan, banyaklah yang terjadi di sekolah-sekolah kita, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Saya harap Kementerian ini memberi perhatian atas permintaan-permintaan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam masaalah rancangan asrama, saya gemar memberi satu perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini iaitu Asrama Sekolah Menengah Datuk Sri Amar di Raja di Muar. Sekolah ini sudah dikira Sekolah Menengah Atas. Murid-muridnya pada masa sekarang menumpang atau menyewa rumah-rumah di kawasan sekolah itu dengan tidak dapat dikawal, macam-macam perkara timbul kepada murid-murid kita. Kadang-kadang murid-murid ini menghisab ganja dan lain-lain. Dengan adanya asrama yang cukup ini akan dapat dikawal dan pelajarannya dapat memberi puashati kepada murid-murid dan ibubapa.

Bercakap dalam masaalah Pejabat Pelajaran Negeri, pada masa ini sangat sempit dan telah menumpang dan menyewa dua buah bangunan yang kosong. Perkara ini mendatangkan bermacam-macam kesulitan dan menimbulkan macam-macam kesusahan kepada pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Johor. Saya harap binaan itu dapat disegerakan seberapa yang boleh.

Bercakap dalam pelajaran teknik dan vokasyenal, saya mengalu-alukan bahawa langkah ini sangat baik dan Kerajaan akan menambahkan sekolah-sekolah ini dari semasa kesemasa dan penuntut-penuntut lepasan ini akan melayakkan diri mereka memasuki pelajaran teknik menengah lanjutan seperti Politeknik Engku Omar, Maktab Teknik di Kuala Lumpur. Begitu juga banyak kita adakan, maka rakyat masih sangsi adakah tenaga pengajar atau pensyarah di tempat tersebut memadai atau mencukupi. Kalau tidak cukup kita kena ikhtiarkan supaya mengambil pensyarah-pensyarah atau guru-guru daripada negara-negara jiran kita khasnya yang sama sistem pelajarannya, terutama sekali dalam negara-negara Komenwel.

Satu masaalah, Tuan Pengerusi, dalam masaalah pensyarah dan guru di Maktab ini, saya harap Kementerian ini mengambil perhatian atas masaalah pensyarah yang telah berlaku di Politeknik Engku Omar iaitu dalam masaalah dua orang murid di tempat itu, bagaimana siaran akhbar Utusan Melayu pada hari ini, maka guru itu tidak berperli kemanusiaan membantu dan menolong anak-anak muridnya di waktu kecemasan. Perkara yang semacam ini kita menasihatkan guru-guru kerana kemesraan murid-murid dan tanggungjawab guru-guru itu memang perlu dikehendaki oleh murid-murid.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah rumah guru di luar bandar, saya harap Kementerian ini mengkaji semula, sebab setengah guru apabila kenaikan gaji ini telah berjalan, mereka tidak gemar duduk di rumah-rumah yang didirikan oleh Kerajaan dan banyak rumah-rumah Kerajaan yang tertinggal dengan sebab guru-guru enggan diam di rumah yang didirikan. Jadi kalau kita kurang siasat, kurang kaji, maka perkara-perkara ini akan menjadi sia-sia dan merugikan Kerajaan.

Berhubung dengan Lembaga Peperiksaan iaitu satu perkara yang menjadi rungutan orangramai, walaupun Lembaga Peperiksaan ini telah diambil oleh Kementerian ini, iaitu berhubung dengan kebocoran kertas-kertas peperiksaan yang berlaku. Ini juga hendaklah kita awasi dengan cermat. Satu tindakan hendaklah diambil kepada sesiapa yang melakukan perbuatan curang ini. Kalau dibiarkan perkara ini akibatnya kelak nilai sijil peperiksaan kita itu akan tidak bermutu.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya nampak dalam belanjawan ini beberapa Kepala mengenai dengan latihan guru. Soal kekurangan guru ini adalah satu soal yang amat serious yang dihadapi oleh negara. Kita ingin benar-benar hendak mengetahui sehingga tahun bilakah agaknya soal kekurangan guru ini akan dapat diatasi, kerana ini mengenai kepentingan negara seluruhnya dan mengenai kepentingan bangsa. Kita juga ingin hendak tahu bilakah agaknya soal kekurangan guru ini dapat diatasi.

Jawapan kepada pertanyaan ini sangat-sangat penting sebab tiap-tiap seorang daripada kita yang mempunyai anak adalah terganggu fikiran kita bila memikirkan hal kekurangan guru ini.

Perkara ini akan dapat dilihat dengan begitu hebat sekali dan begitu serious sekali di dalam sekolah-sekolah luar bandar mendapat peluang pelajaran daripada rendah, menengah hingga ke tinggi, maka perkhidmatan-perkhidmatan dalam sekolah-sekolah di luar bandar itu hendaklah disempurnakan dan perkhidmatan yang amat penting bagi sebuah sekolah ialah melengkapkan sekolah-sekolah itu dengan guru-guru yang berke Layakkan.

Sebagai seorang wakil yang datang daripada kawasan yang boleh dikatakan kawasan yang kurang maju dan banyak kawasan-kawasan yang terpencil, soal kekurangan guru ini amat membimbangkan. Dan yang menjadikan masaalah ini lebih buruk lagi apabila guru-guru yang tidak terlatih, saya pun tidak tahu apa nama guru-guru yang dipanggil ini, guru-guru yang tidak terlatih atau guru-guru sementara, diberhentikan daripada kerja-kerja mereka padahal tidak ada gantinya. Kalau ada gantinya memang kita berkehendakkan guru yang terlatih, guru

yang lebih baik supaya anak-anak kita dapat menerima pelajaran yang lebih baik dan lebih sempurna, tetapi dengan melepaskan guru-guru sementara ini dengan tidak ada gantinya saya tidak dapat hendak mencari tafsirannya di mana lojik perkara ini.

Lagi satu perkara yang saya ingin sentuh dalam soal pelajaran ini ialah rumah-rumah guru dan rumah-rumah sekolah di kawasan-kawasan luar bandar. Saya meminta sangat-sangat daripada Kementerian ini supaya menoleh ke luar-luar bandar, memeriksa dan melihat keadaan rumah-rumah guru malah rumah-rumah sekolah itu sendiri dan bekalan air yang ada di dalamnya.

Kita berkehendakkan anak-anak luar bandar supaya dapat maju dengan lekas, tetapi bagaimanakah kita berkehendakkan anak-anak itu dapat maju dalam pelajarannya pada hal dia hidup dalam satu keadaan sekeliling yang begitu buruk dan begitu hduh?

Saya berharap Kementerian ini dapat bertolih lebih-lebih lagi bersungguh-sungguh kepada sekolah-sekolah, baik bangunan sekolahnya dan kemudahan-kemudahan yang ada dalam sekolah itu atau rumah-rumah guru dan sebagainya yang ada di luar bandar. Saya ingin menjemput samada Menteri yang berkenaan atau pegawai-pegawai yang berkenaan supaya melihat kawasan saya sendiri memperhatikan keadaan di sana. Tak usahlah saya ceritakan perkara ini dalam Dewan ini, tetapi saya mempelawa siapa-siapa pegawai dalam Kementerian atau Menteri itu sendiri supaya datang ke kawasan saya melihatkan keadaan yang ada di sana.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, yang saya ingin hendak sebutkan di sini iaitu berkenaan dengan susunan Anggota Majlis Tertinggi Pelajaran. Pelajaran agama adalah satu matapelajaran yang diwajibkan dalam sekolah-sekolah dan Kerajaan diwajibkan memberi pelajaran agama itu, agama Islam yang saya maksudkan, kepada murid-murid yang beragama Islam. Tetapi malangnya yang dalam Majlis Tertinggi Pelajaran ini tidak ada seorang pun anggotanya atau ahlinya daripada orang yang mengetahui sedikit sebanyak berkenaan dengan agama dan apa yang patut diadakan dalam sekolah-sekolah tinggi berkenaan dengan pelajaran agama. Saya minta daripada Kementerian Pelajaran ini supaya menimbang dan melantik seorang ahli yang mempunyai

pengetahuan dan selokbelok berkenaan dengan agama duduk dalam Majlis Tertinggi Pelajaran ini.

Lagi satu perkara yang saya hendak sentuh berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu buku-buku agama atau buku-buku teks agama yang diajar dalam sekolah-sekolah. Saya tidak fikir Dewan Bahasa dan Pustaka ada menerbitkan buku-buku teks pelajaran agama untuk diajar kepada murid-murid dalam sekolah-sekolah. Saya fikir ini adalah satu masalah yang patut diperhatikan berat oleh Kementerian ini supaya dapat diadakan satu seksyen atau satu bahagian di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengeluarkan buku-buku teks agama bagi sekolah-sekolah. Sebab saya lihat anak-anak kita yang belajar dalam sekolah-sekolah mempunyai buku-buku agama yang berbagai curak dan berbagai bentuk dan berbagai isi dan kandungannya tidak sekata dan tidak sama-sama sekali. Ini harus akan mendatangkan kekeliruan kepada anak-anak kita untuk memahami masalah yang penting yang akan memandu hidupnya pada masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran peruntukan bagi Kementerian Pelajaran untuk tahun 1973 dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Firstly, Mr Chairman, Sir, I refer to Kepala B. 20, Pecahan-kepala 1100—Pelajaran Rendah dan Menengah. Mr Chairman, Sir, textbooks pose one of the biggest economic problems for the poor family in sending their children to school. In fact, there are instances which are not very rare, where there are school children who do not have any textbook for the whole year and the textbooks in Malaysia must range as one of the most expensive in the developing countries. To reduce the economic burden of textbooks on the poor, I call on the Ministry of Education to abolish the system of the sale of textbooks to the school children and substitute it by a nation-wide scheme of loan of textbooks to all students. This will end the problem of high textbook prices and although we know that there is supposed to be a 10% cut in the price of textbooks, as it works out it doesn't really benefit the poor parents. Therefore, if there is a nation-wide system of loan of textbooks, this will end the problem of high textbook prices which is one of the

chief causes of educational backwardness of the children from the poor homes. This measure will of course be opposed by the textbook publishers and those Alliance tycoons who have interest in the textbook industry. But the Government should serve the interest of the masses and not the pockets of the capitalists.

Sir, on December 20th last year, the Honourable Minister of Education announced in this House the Government's refusal to accord recognition to Nantah, Formosan and Indian university degrees and qualifications. This was a great disappointment to the 10,000 over Malaysians who hold these degrees and qualifications and to their families and relatives who have suffered and sacrificed so much to give their children a chance for university education. For the whole of last year the country was led to believe that after over a decade of discrimination the Government was at last considering the recognition of these degrees and qualifications. This House was even told that the Ministry of Education

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar:
Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: Is it on a point of order?

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar:
Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Bab apa dalam Budget ini ada disebutkan berkenaan dengan foreign qualifications yang dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Lim Kit Siang: Jikalau Ahli Yang Berhormat ada mendengar dengan teliti, saya sudah sebutkan Pecahan-kepala 1100 mengenai teacher training dan kekurangan teachers and I was going to speak on the kekurangan guru-guru sekolah di negara kita. So I hope he will sabar dan dengar hujah-hujah saya.

The House was even told that the Ministry of Education Standing Committee on the Evaluation and Assessment of Foreign Degrees and Qualifications was preparing a report to the Ministry and the Cabinet. The 10,000 Malaysians who have graduated from the Nantah, Formosan and Indian universities and colleges have a right to know on what academic basis the Alliance Government and Cabinet have refused to accord recognition to Nantah, Formosan and Indian degrees and

qualifications when many of these degrees and qualifications enjoy international repute and standing. In fact, many Malaysians who hold these qualifications and degrees have proceeded further to internationally-renowned universities for post-graduate work and distinguished themselves in doctorate studies. I call on the Government to table before this House the Report of the Standing Committee on Evaluation and Assessment of Foreign Degrees and Qualifications on this question of recognition of Nantah, Formosan and Indian university degrees and qualifications so that the people and country will know on what academic basis the Government has acted in continuing to discriminate against the 10,000—over Malaysians who hold these degrees. It is quite clear that the Alliance Government is not treating the Nantah, Formosan and Indian degrees and qualifications solely on their academic merits, but as a political question. The Minister of Education told the House last month that the Government's decision to continue to deny them recognition was prompted by the national interest. What is this national interest? Is it the interest of UMNO not wanting to give these degrees recognition, and the interest of M.C.A. and M.I.C. not to displease the Big Brother? I submit that it is in the national interest to give immediate recognition to the Nantah, Formosan and Indian degrees and qualifications, so that we can make full use of the talents and the skills of the 10,000 over Malaysians who have received higher education training. The Government should end its short-sighted policy of continuing to discriminate against the 10,000 over Malaysians holding Nantah, Formosan and Indian university degrees and qualifications and deny them their rightful role and place in Malaysian society.

This policy is all the more self-defeating when there is such a serious shortage of skilled qualified manpower in Malaysia to carry out the development programme under the Second Five-Year Malaysia Plan. Thus, in Malaysian schools, there is an acute shortage of graduate teachers whether for arts or science. Instead of fully employing the over 10,000 Malaysians with these tertiary qualifications, the Ministry of Education recruited graduates from Indonesian universities for our schools.

I have nothing against recruiting and employing graduates from Indonesia, or for

that matter, from any other country. But the first duty and responsibility of any Malaysian Government must be to our local citizens. To discriminate against the 10,000 Malaysians who hold tertiary qualifications, and permitting them to squander their training and education and be unemployed, while recruiting foreigners is the height of anti-national interest. I am aware that there are Malaysians holding these degrees and qualifications who are employed in the teaching service, but they are a very small number and they are not paid the salaries and given the status commensurate with their education and training.

In Malaysia, Mr Chairman, Sir, there is an acute problem of unemployed and educated unemployment. Instead of finding ways to solve and overcome this problem, the Government is in fact compounding it by choosing foreigners in preference to local citizens. This, they called, "national interest", which seems the most illogical of definitions.

For instance, recently in a Written Reply to a question submitted in this session of Parliament, the Minister of Home Affairs said that the Government was taking action to remove the citizenship of Malaysians who joined the police and armed forces in Singapore. The Minister said there are some 6,000 Malaysian youths who are in the Singapore police and armed services. Why did 6,000 Malaysian youths go abroad, leave their families and loved ones to another country to work? Is it because they like to leave their homes and families? It is simply because they have to find a livelihood which they could not find in Malaysia. If Malaysia has full employment, where every youth can find a job, I am sure Malaysian youths will not be forced to go abroad to find work. In fact, it is estimated that over 100,000 Malaysian youths had to seek work outside the country, not only in Singapore but also in Indonesia. But has the Government any sympathy for their economic hardships? No. Their crime, for which the Government want to remove their citizenship, is that they are not prepared to remain in Malaysia to be unemployed, be a greater burden on their family and starve. In this connection, I am sure that if the Malaysian Government can give an assurance that all the 6,000 Malaysians working in the Singapore armed forces and police will be given jobs in the Malaysian police and armed forces, they will

all gladly come back. If the Government cannot do this, then it should not punish them for the sins and economic failures of 17 years of Alliance rule.

Mr Chairman, Sir, I come to Kepala B. 20, Code 1100, page 174, Subhead 5—Pelajaran Menengah Atas Tinggi. For some years now, many students who are academically qualified cannot find places in pre-university or technical colleges or universities to further their studies. In fact, wherever we go, in every town and state, we find Malaysian youths who secured Grade I in S.P.M. who could not find places to proceed to Form Six despite their academic qualifications. These must now have run into tens of thousands. In the same way, large numbers of academically qualified students cannot find places for either technical or university education.

Tuan Pengerusi, under Code 4100, Grants, Subsidies and Contributions, I would refer to scholarships and textbooks for deserving cases. Quite a lot of students from very poor families who are qualified on their own merits or are qualified for scholarships for further studies either in Malaysia or overseas countries, have not been given the chance to go abroad from the Higher School Certificate stage. They will have to undergo strict examinations or unnecessary discrimination by the education officers and unsatisfactory recommendations or interference by Government heads. In view of the increased allocation of funds to be used under this Head, I hope the Government would grant more scholarships to all deserving students from

families with poor incomes throughout the length and breadth of the country.

Tuan Pengerusi, another thing is in regard to the control over payments of grants to schools by Chief Education Officers. According to the 1970 Report of the Auditor-General, which was tabled in the House on the 12th of December last year, it is stated on page 143 that the control over the type of grants still continues to be unsatisfactory and some accounts date as far back as 1963. I hope all the Chief Education Officers will take immediate action, so that they themselves will not lag behind in the administration of the Education Department because when separate State Education accounts are compared with regard to the time they are forwarded, there will definitely be a difference in efficiency.

Now, I come to new school textbooks required by schools. Every year either before or after the last term holidays, pupils are supplied with a list of new books either to be purchased from their own schools or from book-shops. When the books are bought by the students, they will be taught when the schools re-open for the new year. After a few lessons or a few pages having been taught, these books are discarded and then that is the end of the use of certain textbooks which were thought to be fit for education by the schools. In the first place, why such books are required to be purchased, nobody seems to know. If schools have no intention of pursuing the use of teaching of those textbooks, they would not have requested the parents or the pupils to buy such new books thereby wasting the money and time of all concerned, i.e. the schools, the teachers, the parents and the pupils.

Tuan Pengerusi, I advocate that the Minister of Education or his top officials or the Secretary-General to the Ministry, should direct that books bought for lessons in schools under their instructions, or requests from the Education Department for any particular year, must not be stopped or discontinued for studies. If this directive is issued from the Ministry concerned, it will save a lot of burden for the parents and the pupils and a great deal of money from the pockets of the "have-nots" of those families—the lower income group.

I am sure Honourable Members of this House are aware of the saying that "the pen is mightier than the sword". But nowadays, the pen together with the voters in this country are mightier than any type of weapon. If there is no proper basic or standardised education for the citizens or youths of any country, there will be misunderstanding, misguidance and misapprehension which will lead to instability in the country. We all know that over-population in this country will come one day, despite family planning. Then the population explosion with no proper educational base will affect all, whether you like it or not. Fortunately, in the past, as at the present time, Malaysia has been and still is, bestowed with a great number of learned educationists, with intelligence and understanding, who are either wise men, experts, celebrities or experienced professors from many countries. Tuan Pengerusi, if not for their undivided wisdom, keenness and cultured efforts at all levels, together with the interest and the assistance of the Press, we in this country would not have much worthy education to live on. Similarly, I am sure this country would like to have educated workers in all professions in order to promote sincere unity. I wish that sensible education in all forms, including sex education, or proper educational administration in whatever form or in whatever language may not be misused, abused or misguided under the Ministry concerned.

Before I conclude here, I wish to remind the Minister concerned that the second language in Malaysia should be made official so that English would not be wasted among the English-speaking world.

Finally, Sir, the need of a secondary school and its buildings is very urgent in my constituency of Ulu Kinta, to be situated in Tanjong Rambutan which covers many areas within the constituency. I urge the Minister concerned to commence such work without delay.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di bawah peruntukan Kementerian Pelajaran Kepala P. 21, Sabah.

Saya menyokong penuh atas peruntukan ini kerana saya rasa dengan peruntukan ini dapatlah Kementerian Pelajaran memperbaiki lagi sekolah-sekolah rendah Kerajaan di luar bandar di dalam Sabah, terutama sekali

di kawasan saya di Kinabatangan. Kerana kalau ditengok pada masa ini, Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah rendah Kerajaan itu masih lagi jauh ketinggalan dan masih jauh berbeza daripada sekolah-sekolah di dalam bandar, kerana baik pun bangunan-bangunan mahu pun perkakas-perkakas di dalam sekolah sangat berkurangan. Kebanyakan budak-budak duduk bukan di bangku yang betul dan ada juga yang meja senget, ada juga kadang-kadang budak-budak tidak cukup kertas, ada juga yang menulis di dinding.

Saya harap dengan peruntukan ini dapatlah Kementerian Pelajaran memperbaiki sekolah-sekolah yang di luar bandar, kerana kalaulah tidak dapat kita memperbaiki bagaimanakah budak-budak di luar bandar dapat meninggikan semangat pelajaran mereka sedangkan tempat-tempat mereka tidak serupa dengan tempat-tempat budak-budak yang duduk di dalam bandar.

Satu lagi masalah, Tuan Pengerusi, bila ada projek-projek peruntukan sekolah ataupun rumah-rumah guru di luar bandar iaitu Kerajaan panggil tender. Jadi ini adalah satu masalah yang merugikan Kerajaan dan juga merugikan kepada rakyat, kerana apabila seseorang itu masuk tender, orang yang masuk tender dia tidak tahu di mana tempat yang akan dibuat sekolah itu. Jadi bila harga itu kira-kira \$20,000 bila dia dapat tender dia beri lagi contract kepada orang lain barangkali dalam \$15,000. Jadi harga itu sudah turun, dan sudah dapat contract kepada orang lain, ada juga kadang-kadang diberi kepada orang lain, jadi harga dari Kementerian Pelajaran \$20,000 sampai di tempat itu lebih kurang \$12,000. Ini adalah satu masalah yang merugikan Kerajaan dan juga rakyat.

Saya harap kepada Kementerian Pelajaran supaya projek-projek di mana ada peruntukan itu dapatlah diberi kepada orang-orang kampung, orang tempatan itu juga, janganlah di tender.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sekolah menengah kebangsaan. Betul juga di Sandakan ada sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan, tetapi nama sahaja Sekolah Menengah Kebangsaan sebab bangunannya sendiri belum ada, sekarang masih lagi menumpang di sekolah Cina iaitu murid-murid yang belajar di dalam sekolah menengah kebangsaan ini sebelah petang

bukannya pagi. Ini adalah melemahkan semangat murid-murid. Memandang kepada keadaan ini, Tuan Pengerusi, saya harap supaya Kementerian Pelajaran dapat lagi menambah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Kinabatangan, kerana kebanyakan penuntut-penuntut yang lulus daripada Darjah VI di Kinabatangan lebih kurang 20% yang masuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan kerana kebanyakan mereka tidak mampu untuk membelanja kerana di Sandakan terutama sekali terpaksa mereka menyewa tempat tinggal kerana tidak ada tempat tinggal dan juga perbelanjaan murid-murid pun besar juga. Kebanyakan pelajar-pelajar tidak mampu. Saya rasa, kalau ada Sekolah Menengah Kebangsaan di Kawasan Kinabatangan barangkali dapat kita menarik budak-budak ini untuk memasuki di sekolah menengah supaya pelajaran mereka tidak sia-sia.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan guru-guru, saya tengok kebanyakan guru-guru di luar-luar bandar telah ditukarkan ke lain-lain tempat tetapi ada juga guru-guru di dalam bandar sampai empat lima tahun masih juga guru-guru itu di dalam bandar. Saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengatur supaya guru-guru di dalam bandar boleh bertukar ke luar bandar, guru-guru di luar bandar dapat bertukar ke dalam bandar supaya pengalaman mereka dapat sama, kerana kalau guru-guru di luar bandar selama-lama ditukar ke luar bandar sahaja, pengalaman mereka saya rasa tidak berapa begitu baik.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Please note the points raised by the previous speakers of your party.

Dr Chen Man Hin: Boleh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan hendak bercakap dalam dua tiga perkara sahaja di bawah Kepala B. 20, Kod 1100 (i), (2) dan (3) muka 171, dan saya minta izin bercakap dalam Bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, in a developed society such as America, England or anywhere else, the educational problems are complex enough, but there the educationists are sensitive enough to the demands of society and the demands of the

changing situation and they modify the policies or adapt themselves according to the demands of the people. But here I see that in Malaysia, our Education Ministry is quite insensitive to the changes, the aspirations and the demands of the people.

I have tried to put it rather mildly not merely to accuse the Ministry of having done something very wrong, but I must also be frank and say that they have failed in three very important respects in the matter of:

- (1) creating national unity through the education system;
- (2) in trying to build a more scientific and more technological society; and
- (3) in trying to build a more disciplined and a more dedicated or cultured society.

I say this because there have been complaints from people not only in my constituency but throughout Malaysia who say that they are prepared to study Bahasa Malaysia as a common language and as the national language, but they ask, "Where are the good teachers?". And so, they and their children will have to carry on as best as they could, not studying really because they don't understand what they are studying or are being taught and we have had years of experience with this automatic promotion where even after nine years of education, children are illiterate or, at best, half literate. They go out to the society with their L.C.E. Certificate and the employers ask them, "What can you do for me? Have you any qualification?" "Sir, I have no skill of any sort is the reply". What sort of education system do we have in this country where after nine years of education the child who comes out with the L.C.E. is not able to make a piece of furniture, to say the least? Something is very wrong. He must not only be able to read or write and if he is not capable or does not have the ability to go for higher studies, or does not have the opportunity for higher studies, at least he should be taught some skill, some technical skill or some vocation. At least he should be equipped with that very minimum to give himself a chance in this very competitive society. But, unfortunately, most of the L.C.E. holders do not have this and they have to be contented to take an occupation like "Jaga Kereta" or some similar occupation. Is this the education

system that will make our country progress and propel itself to a scientific and knowledgeable age? I doubt it, Tuan Pengerusi.

Then, Tuan Pengerusi, time and time again in the papers, we see educationists calling on the Government to adhere to the Constitution, that is, that they be allowed to learn and to keep their mother-tongue. There is no quarrel on the question of national language and the question of learning of Bahasa Malaysia—there is no quarrel with that. What they want is to know what are you doing with our mother-tongue? Are you implementing a policy which adheres to the Constitution, to nourish, cherish and to practise the mother-tongues? No, Tuan Pengerusi. In this case they are not. I speak here in particular on the Chinese stream primary schools, where they learn Chinese in the primary schools and they have a double handicap—there is a desperate shortage of good teachers in Bahasa Malaysia. So, the pupils there do not have a good grounding in Bahasa Malaysia and when they go into the secondary stage, they just find it very difficult to adapt themselves to the present type of secondary education. What is more meaningful and fair than for Government to modify and adapt its policy, to adapt itself to a multi-racial situation when they ask that there should be a secondary education in Chinese as well. They ask that the Chinese Middle School examinations should be carried on as well. Is giving them back their mother-tongue, encouraging them to use their mother-tongue and studying their mother-tongue a backward step, a retrograde step towards national unity? No, Tuan Pengerusi, it is not. If the Government wants to harness the forces of this country and propel these forces towards a more progressive society, then it must marshal all its resources and if Malaysians of Chinese origin want to keep their mother-tongue and use it as a force and medium by which they can develop this country, then let them do so, while at the same time they should also study the Bahasa Malaysia as a common language because it is the National language. But if we examine the education system as it is, we must admit, all of us must admit, that the mother-tongues are being neglected, to say the least.

Tuan Pengerusi, my third point is this. Say, we have achieved a scientific society, a progressive technological society. The next step is to ask ourselves whether we are

concerned towards developing also a disciplined society. Mind you, the educationists in this country divorce themselves from the realities of societies in the world outside. They cannot merely say to their children, "We teach you this. Don't do this. Don't do that" or "Follow this" or "Follow that" while at the same time when these students go out to the outside world they are exposed to all the iniquities possible in all the places under the sun. You have your permissive society, you have your sex films and you have films of violence. What are the educationists themselves doing about it? Nothing, not a word. The teachers and the Minister of Education should take a more progressive step and say, "Ban all these things". In the schools you teach the children to be good, to teach them the good things about society—non-violence, to lead an orderly life—but when they go outside they are exposed to all the wickedness and all the violence that are possible in this world. These double standards, are they not counter-productive? It is not contradictory when your school spends hours after hours telling the school children that they must be good, they must have good moral sense, they must observe the Rukunegara, as my comrades had said, but when they step outside all the principles of Rukunegara are being violated one after another, beginning from the Government itself right down to the very bottom. Therefore, Tuan Pengerusi, may I urge the Ministry of Education to take close look at itself and at its policies, to be adaptable to situations and not to be hard, but to be flexible. If we want to marshal the resources of this country, then we would have to change and adapt ourselves and modify our policies according to circumstances.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris. (*Dengan izin*) Sir, I wish to refer to Kepala Bekalan 20, muka 171, Sub head 1100. Tuan Pengerusi, many Honourable Members have mentioned earlier in this House on the problem of textbooks. I wish to draw the attention of the Ministry concerned that it is now nearly a month since schools have been reopened and still we find many schools, both primary as well as secondary, that are facing an acute shortage of trained teachers. This problem has happened before in previous years and it

looks like that the situation, if left unchecked, may be repeated in the years to come.

Tuan Pengerusi: That point has already been raised by previous speakers.

Tuan Loh Jee Mee: I am talking on the shortage of trained teachers, Sir. In this respect, Mr Chairman, Sir, I would offer my service to the Ministry of Education if it requires any figures on such shortage of teachers that are needed in most of the schools in the State of Perak. I can quote an example. The Government English Secondary School in Tapah is in need of 5 trained teachers—so are some of the primary schools there. In Bidor there is a Chinese Secondary School which is also in need of 5 trained teachers. This problem is a rather grave one and I hope the Ministry will look into it. Sir, it is most disturbing that the Ministry of Education as well as the respective Education Departments have failed to make adequate arrangements despite the fact that they have had two months' vacation in which to handle this. This state of inefficiency certainly reflects very badly on the Education Department concerned and the Ministry as a whole. What is causing more concern is the fact that while having failed to provide schools with the required number of teachers, the temporary staff were also got rid of. This has further aggravated the situation. Sir, heads of schools and teachers are frustrated and of course the pupils are the ones affected.

In recent years much has been said about lifting the standard of education in this country, but how this can be done without proper teachers will remain another Alliance mystery. Parents are deeply concerned about their children's education, particularly in the face of severe competition for jobs. I therefore call on the Ministry to immediately carry out a survey, if they have not done yet, throughout the country to ascertain the number required and to recruit temporary teachers until such time as suitable replacements can be provided. Having done this, the Ministry should consider taking in a larger intake of teacher-trainees or even temporary teachers from the various colleges in the country as a far-sighted move to prevent a recurrence of such a shortage.

Now I wish to refer to Kepala B. 20 on primary and secondary education in the country. Sir, ours being an agricultural

country, I think that the Ministry of Education should be more concerned with subjects that are more practical to our students—for instance, agriculture. Emphasis should be placed on subjects like this because since most of the pupils in the rural schools are poor and many of them are farmers' children or at least they have some land to cultivate, it would be more logical that this step would be the right one. Government officials have often complained that farmers have refused to adopt new and modern scientific methods of farming. However, if there is more stress on subjects like this, then when their children grow up, or at least finish a certain amount of education, they will go back and be more receptive to these new and modern techniques of agriculture. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Chan Fu King (Telok Anson): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Have you anything new to raise?

Tuan Chan Fu King: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to Kepala B. 20, Pecahan-kepala 4100, Page 174, item (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah. I want here to raise the problem of the shortage of class rooms and classes in the San Ming National-Type Chinese School I and II and the Pooi Yong National-Type Chinese School in Telok Anson. We find that there are more students than the class-rooms can take in. As a result, these schools have to turn the school libraries and the teachers common rooms into class-rooms. This is poor educational planning and it is bad for the students. The reason for this is because the Ministry of Education has refused to honour its promise to give financial grants to the schools. The Government had in the past promised a-dollar-to-dollar contribution to the school building and development projects to match public donations. However, since 1969 the Government has refused to honour its promise, resulting in the inability of the school to build more class-rooms to meet the growing student population. I call on the Ministry of Education to make financial grants not only to the three schools I have mentioned but also to other Chinese schools to allow them to build more class-rooms.

In this connection, I want to urge the Ministry of Education to build a National-

Type Chinese Primary School in Petaling Jaya. Many parents who wish to send their children to a Chinese primary school have found it very inconvenient to send their children to Kuala Lumpur.

Finally, the Ministry of Education must have a clear plan to modernise the estate schools where we have a sorry situation of multiple standards in one class and the shortage of trained teachers. No wonder the children of the estate workers, especially the school children in my area, have no future at all in Malaysia with such poor education facilities for them.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana dalam Belanjawan tahun ini kita dapati peruntukan yang cukup besar bagi Kementerian ini.

Inilah satu pandangan yang baik dari Kerajaan Perikatan iaitu kita dapat tahu satu investment atau permodalan yang cukup tinggi untuk sebuah negara seperti Malaysia ini.

Baru-baru, ini, saya dengar banyak tergunan atau kritik dari Ahli-ahli Parti Pembangkang iaitu tidak ada satu cadangan yang memuji Kementerian ini. Di sini saya boleh katakan ada banyak rancangan atau projek dan pembangunan untuk anak-anak kita di dalam negara kita ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang hendaklah ingat—kalau tak mahu ingat tak apa, iaitu kita sudah dapat melaksanakan Laporan Aziz untuk guru-guru seluruhnya dalam negara kita.

Hari ini boleh dikatakan guru-guru semuanya sudah dapat jaminan masa hadapan yang cerah, yang cemerlang dan ini saya rasa patutlah mendapat pujian daripada pihak Parti Pembangkang. Ini satu usaha yang cukup baik dari Kerajaan dan Kementerian ini.

Yang kedua, kita dapat tahu pada masa lima tahun yang lepas sampai sekarang dan di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini kita telah buat beberapa rancangan pembangunan iaitu mendirikan bangunan-bangunan untuk kemajuan sekolah di negara kita. Pada masa yang singkat atau beberapa tahun ini kita sudah dirikan beberapa buah universiti dalam negara kita. Inilah kemajuan-kemajuan yang

Ahli dari Parti Pembangkang tak nampak atau dia tak mahu nampak. Saya berasa cukup sedih, Tuan Pengerusi, mereka itu yang datang ke sini cuma untuk membuat teguran, segala-galanya tak cukup dan tak lengkap, tetapi apa yang sudah dibuat oleh Kerajaan kita langsung tidak dipersoalkan oleh mereka di dalam Dewan ini.

Baru-baru ini kita dapat tahu satu usaha yang cukup baik dari Kementerian kita iaitu untuk menolong murid-murid kita dari luar bandar, kita telah buat banyak sekolah menengah di dalam rancangan L.K.T.P. dan ini satu usaha juga mereka patut puji sedikit Kementerian ini.

Di sini saya harap apabila sudah dengar dari Ahli Parti Pembangkang itu cakaplah dengan betul-betul melihat dalam negara hari ini. Janganlah cakap atau janganlah gunakan Dewan ini sebagai satu tempat membuat political propaganda sahaja, tetapi di luar Dewan ini barangkali mereka itu berucap soal lain pula.

Di sini saya ingin, mengesyorkan beberapa perkara dan saya harap pegawai-pegawai dari Kementerian ini atau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran ini boleh menimbangkan khususnya rancangan mengenai kawasan saya.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan iaitu ada banyak guru-guru yang mengajar bahasa pupil own language di dalam sekolah menengah kita yang lewat mendapat bayaran elaun mereka itu dari Pejabat Pelajaran. Soal ini sudah lama saya buat rayuan kepada Pejabat Pelajaran Negeri, tetapi sampai hari ini elaun itu masih belum diterima.

Kebanyakan guru-guru ini datang dari Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina, mereka itu selalu buat rayuan kepada saya dan saya harap masaalah ini di masa akan datang boleh dapat diselesaikan.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian kita yang mana saya telah berunding dengan Kementerian dan juga Lembaga Sekolah, Sekolah Menengah Sulaiman, Bentong iaitu pada tahun 1973 kita akan dapat Tingkatan Enam bagi jurusan sastra sahaja. Tetapi saya harap pada masa akan datang, barangkali kita dapat lebih lengkap sedikit atau dapat simpati pegawai-pegawai dari Kementerian,

dan saya harap dalam masa yang tidak lama lagi, kita dapat barangkali, Tingkatan Enam Sains, Sekolah Menengah Sulaiman.

Dalam soal pembangunan, ada dua tiga perkara yang saya harap kita akan mendapat sebuah sekolah baharu untuk Sungai Dua, Manhis dan juga sebuah tandas moden untuk Sekolah Kai Man Rendah, yang mana saya menjadi Pengerusi Lembaga Sekolah itu dan Sekolah Chong Hua, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Mentakab, kita telah minta 3 bilik tambahan untuk sekolah itu juga. Dengan ini saya berharap tahun ini ialah tahun yang ketiga kita memasukkan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan pada tahun ini, sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita mendapat lebih peruntukan bagi Kementerian Pelajaran ini dan saya harap cadangan-cadangan yang saya buat tadi akan mendapat kejayaan.

Satu perkara lagi berkenaan dengan pelajaran talivisyen. Saya mendapat tahu, pelajaran talivisyen ini barangkali untuk masa mingguan sahaja, dan saya harap juga kalau tidak menjadi kesusahan dapat diadakan pada hari Sabtu dan hari Ahad supaya boleh dapat disiarkan atau ditunjukkan pelajaran talivisyen ini. Saya ingat bukan sahaja murid-murid atau anak-anak kita dapat melihat di rumah, tetapi juga ibubapa-ibubapa kita dapat melihat rancangan talivisyen di rumah-rumah mereka. Oleh kerana seseorang yang hidup dalam dunia dalam segi pelajaran langsung tidak terbatas sampai kita pergi ke dunia lain, Tuan Pengerusi, kita kena belajar.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, ini juga satu soalan dari pemuda M.C.A. iaitu kita berharap selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu-baharu ini, iaitu kita boleh memberikan penilaian untuk ijazah-ijazah Nanyang Universiti dan juga Taiwan Universiti. Di sini saya berharap kalau boleh dapat Yang Berhormat Menteri kita menerangkan atau menegaskan sedikit soal penilaian ini, kalau boleh lengkap sedikit kepada kita dan barangkali ini boleh menjelaskan perkara-perkara yang sudah ditimbulkan dalam pandangan atau fikiran orang-orang yang mempunyai ijazah-ijazah itu.

Di sini saya harap juga perkara ijazah negeri-negeri asing itu, kalau kita boleh dapat timbangan dengan telitinya dengan tidak mengganggu taraf pelajaran di negeri kita ini.

Dan juga kalau tidak mengganggu taraf pelajaran dan profesyen di negeri kita ini terutama dalam segi pembangunan negara kita, maka kita patutlah dari jasa baik pemimpin-pemimpin negara kita, kalau kita boleh dapat menukarkan sedikit taraf kita atau perbincangan kita, saya ingat masalah ini tentulah boleh dapat diselesaikan. Tetapi masalah ini ialah satu masalah yang rumit sedikit dan saya harap Parti-parti Pembangkang atau ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang itu janganlah menggunakan soal ini sebagai satu dayausaha atau satu langkah yang tegas atau memberikan ketegasan kepada Kerajaan. Kalau langkah yang semacam ini, saya ingat langsung tidak mendapat pandangan dari Kerajaan kita.

Masalah ini, saya harap Kementerian kita atau pemimpin-pemimpin negara kita boleh menimbangkan dengan telitinya oleh kerana kalau dapat ijazah-ijazah itu ditimbangkan dengan baiknya, tentulah kita boleh dapat menjelaskan apa-apa fikiran orang-orang yang mempunyai ijazah itu terhadap Kerajaan kita.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, mudah-mudahan saya berharap Kementerian Pelajaran kita dapat berkembang dari setahun ke setahun dan pada masa sekarang ini kita tahu bahawa kita ada seorang Setiausaha Parlimen yang muda yang cukup pandai, aktif, dinamik dan pengarah-pengarah juga dari Kementerian kita pun banyak yang dinamik dan dalam pelajaran di negara kita tentulah boleh mendapat maju di samping anak-anak kita boleh menikmati pembangunan-pembangunan dari Kementerian ini.

Tuan Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I would like to bring up an old subject for fresh consideration, that is, the school-going age of our children. Sir, according to the present policy of our Ministry of Education, our children can only be admitted to school when they have reached the age of six. That means no child in this country will be admitted to school before the age of six. In other words, more than half of the children would be admitted to school at the age of six and six and a half and the other half of our children probably would be over the age of six and a half years. Some unfortunate ones, probably due to the lack of planning of their

parents—and some naughty children refuse to come out before the end of the year and are born on the 1st January of the relevant year—may not go to school until the age of seven. Sir, that means a big number of our children are wasting their useful years during which they should have gone to school but still remain outside school and that is not conducive to the progressive plan of our nation building because nation building cannot be achieved with so much wastage of manpower. If our school children go to school one year later, that means they cannot leave school until one year later too. The amount of wastage deserves careful reconsideration in relation to this school-going age.

Therefore, may I propose, Sir, that the Ministry of Education should consider those children who are born before the 30th of June of the relevant year to be admitted to school at this stage, so that at least half of our children can save half a year to be admitted to school. At the same time, I wish to go further to suggest that under modern conditions where the standard of education of the parents is better, where the environment is more conducive for the children to be better educated, whether through better communications or otherwise, that the school-going age of our children should be reduced from 6 years at the moment to at least 5½ years, so that this wastage can be saved. I do hope the Ministry of Education can take this into serious consideration, because I know in certain countries, in particular, like China now, they have lowered the school-going age and at the same time they have reduced the length of primary education and also secondary education in order to enable them to have a greater degree of usage of the manpower. Sir, I hope the Ministry of Education, with all the help of the experts they have, would kindly consider this proposal.

Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak sentuh dua perkara atas Kepala B. 20 Pecahan-kepala (Kod) 2800—Perkhidmatan Pelbagai.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, yang saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat belum membangkitkan iaitu dalam bahasa Inggeris: "uniformity of school going days". Dalam negeri Johor khasnya saya percaya di seluruh Semenanjung Malaysia juga banyak sekolah

khasnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ada separuh murid-murid pergi ke sekolah 6 hari seminggu, dan ada juga pergi ke sekolah 5 hari seminggu. Jadi tidak tentu, tidak rata. Saya mohon kepada Kementerian Pelajaran kita mesti mahu ada satu arahan tetap. Mahu 5 hari, semua 5 hari. Kalau tidak hendak, mahu 6 hari, semua 6 hari. Ini dalam satu daerah dua sekolah tidak sama. Jadi ini tidak adil.

Perkara yang kedua, saya menyokong rakan saya yang baharu berucap tadi. Misalnya sebelum perang dahulu kita cuma ada 9 tahun pelajaran menengah, Standard I, Standard II, Standard III, Standard IV, Standard V, Standard VI, Standard VII, Junior Cambridge and Senior Cambridge—9 tahun sahaja. Saya percaya kalau orang yang mendapat pelajaran dahulu berbanding dengan orang hari ini tidak boleh kalah. Sekarang kita ada 11 tahun, 6 tahun primary dan 5 tahun secondary, sekurang-kurangnya 11 tahun. Jadi saya mohon kepada Kementerian Pelajaran kita ini mestilah menyemak betul-betul atas perkara ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam Kepala B. 21, Pecahan-kepala (Kod) 1300. Aktiviti (1) (a), muka 179.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana mengadakan bekalan perbelanjaan bagi sekolah di Malaysia Timur khasnya di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah di luar bandar di negeri Sarawak adalah di bawah jagaan Majlis Daerah Luar Bandar. Di sini saya menyentuh sedikit berkenaan dengan guru-guru mereka. Guru-guru yang terlatih telah ditempatkan di sekolah yang berdekatan dengan bandar. Guru-guru yang kurang terlatih, Tuan Pengerusi, ditempatkan di luar bandar yang jauh-jauh sehingga memakan masa empat lima tahun tidak bertukar-tukar. Dan keadaan rumah sekolah yang di luar bandar yang jauh-jauh itu tidaklah seimbang dengan sekolah yang berdekatan dengan bandar. Dan ada juga sekolah yang di luar bandar yang jauh-jauh itu beratap daun, berdinding daun, bangku-bangku tempat duduk diletak di atas tanah, tidak berlantai dan tidak bersimin.

Perkara yang semacam ini, saya rasa, adalah melemahkan budak-budak yang mengambil bahagian di dalam pelajaran ini dan juga guru-guru mereka tidak berapa cergas oleh kerana keadaan yang semacam itu. Dan ada juga setengah daripada guru-guru mereka merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mereka dapat ditempatkan di sekolah yang berdekatan dengan bandar dan meminta tukar guru-guru dekat bandar supaya mengajar di sekolah di luar bandar supaya menggalakkan mereka yang jauh di luar bandar. Jadi permohonan mereka tinggal sebagai permohonan sahaja, tidak diambil dengan layanan yang baik.

Tuan Pengerusi, tanggungjawab guru-guru ini saya rasa sangat berat sebab guru-guru itulah yang memelihara rohani kanak-kanak dan budak-budak itu, jadi sungguhpun rohani itu kita tidak nampak, tetapi rohani itu berkehendakkan makanan juga. Jadi, saya rasa makanan rohani itu tidak lain tidak bukan ialah ilmu pengetahuan bukan sebagai jasad, jasad itu makanannya barang yang nyata. Jadi dari sini saya rasa bukan senang pada guru-guru itu akan memelihara rohani murid-muridnya. Jadi jika kita ambil perhatian dengan sedalam-dalamnya, dengar teliti, maka saya rasa tanggungjawab guru itu saya katakan sekali lagi sangat berat.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Terima kasih. Saya tidak akan bercakap panjang, hanya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan berbagai-bagai teguran dan juga syor-syor di dalam bahasan mengenai Bekalan bagi Kementerian Pelajaran ini di mana cadangan-cadangan dan syor-syor yang membina akan kita timbangkan dengan sebaik-baiknya dan bagi perkara-perkara lain yang ditimbulkan akan kita maklumkan.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh beberapa perkara cara garis-garis besar di dalam menjawab teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, saya suka menegaskan di sini bahawa Kementerian Pelajaran akan terus

memberi perhatian yang besar terhadap perbaikan pelajaran di kawasan-kawasan luar bandar, ini adalah sesuai dengan hasrat Kerajaan sendiri bagi memperbaiki taraf hidup rakyat di luar bandar dan juga untuk meimbangi keadaan yang tidak seimbang di antara penduduk-penduduk bandar dan di luar bandar. Di dalam usaha demikian sebagaimana yang telah disebutkan dari segi pembangunan sebahagian besar daripada pembangunan pelajaran yang dibelanjakan bagi kawasan luar bandar. Dan hal ini dilakukan dengan membina lebih banyak darjah-darjah yang baharu atau sekolah-sekolah yang baharu di kawasan luar bandar dan juga memperbaiki sekolah-sekolah yang lama.

Selain daripada menyediakan kemudahan-kemudahan bangunan yang baharu ini kita juga akan menempatkan lebih banyak guru-guru yang terlatih di kawasan-kawasan luar bandar, terutama guru-guru yang mengajar mata-mata pelajaran yang tertentu.

Di dalam penempatan guru-guru yang terlatih ini, kita tahu bahawa keperluan yang ada adalah besar dan kemampuan yang ada pada Kementerian sendiri di dalam membekalkan guru-guru ini untuk masa sekarang ini belum lagi dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini ialah kerana di dalam tahun 1967 dahulu suatu perubahan telah dibuat mengenai teacher-pupil-ratio atau ratio antara kanak-kanak dengan guru yang mana disebabkan pengurangan ratio ini, maka pengeluaran guru-guru yang terlatih pada tiap-tiap tahun mulai tahun 1967 sampai tahun 1970 nampaknya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi tidak dapat memenuhi keperluan sekolah-sekolah disebabkan bertambahnya kanak-kanak yang masuk ke sekolah-sekolah. Tetapi mulai daripada tahun 1971 keadaan ini telah kita ubah dan didapati bahawa mulai daripada tahun 1971 pengambilan calon-calon untuk menjadi guru telah meningkat daripada 1,102 orang pada tahun 1971 kepada 2,353 orang pada tahun ini, dan pengambilan ini akan terus meningkat pada tahun hadapan hingga kita menjangka bahawa pada tahun 1975 nanti kira-kira 2,900 orang calon akan diambil di dalam mengikuti latihan guru di maktab-maktab latihan. Sambil itu usaha juga sedang dibuat untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan latihan bagi melatih guru-guru ini.

Sekarang ini bagi peringkat menengah ada 5 buah pusat latihan guru dan peringkat rendah 4 buah pusat latihan guru.

Pada tahun ini juga Maktab Perguruan Bahasa yang selama ini digunakan bagi melatih guru-guru bahasa dan pada masa ini juga digunakan untuk kursus perkhidmatan bagi mengajar guru-guru yang bukan Melayu dalam bahasa Malaysia telah mula juga kita gunakan sebagai pusat latihan untuk melatih guru-guru seperti biasa.

Selain daripada itu, Pusat Latihan Guru di Seremban akan juga kita buka semula dan pada tahun 1975 kita harapkan bahawa Maktab Perguruan di Kota Bharu akan juga digunakan semula untuk melatih guru-guru cara penuh. Dan apabila nanti Universiti Kebangsaan akan pindah ke tempat yang baharu di Bangi kita harap bahawa tempat ini akan juga digunakan semula sebagai pusat latihan guru. Maka dengan rancangan yang ada ini kita harap di dalam masa yang agak singkat keperluan sekolah-sekolah terhadap guru-guru yang terlatih ini atau guru maktab yang terlatih akan dapat dibekalkan dengan memuaskan kepada sekolah-sekolah.

Pada masa-masa yang lalu kita tahu ada banyak guru di bandar yang tidak dapat kita tukarkan ke kawasan luar bandar disebabkan sistem perkhidmatan yang ada pada waktu itu. Kekurangan guru-guru di luar bandar ini, terutama dari segi guru-guru yang mengajar mata-mata pelajaran yang tertentu.

Sekarang ini selepas terlaksananya syor-syor Suruhanjaya Gaji Guru di mana guru-guru yang telah memilih untuk memasuki perkhidmatan pelajaran yang baharu ini mereka itu adalah pegawai Kerajaan dan tertakluk kepada syarat bahawa mereka itu boleh ditukarkan di dalam perkhidmatannya itu, maka dalam keadaan sekarang ini kita mempunyai suatu alat yang mana kekurangan guru-guru di dalam mata-mata pelajaran yang tertentu di sekolah-sekolah luar bandar akan dapat kita bekalkan dari satu masa ke satu masa daripada guru-guru yang ada di bandar. Dan di dalam hubungan ini juga saya suka menyebutkan bahawa pada masa sekarang ini kita selain daripada menghantar, menempatkan guru-guru yang mengajar mata-mata pelajaran tertentu daripada bandar keluar bandar, kita juga mengadakan satu system yang baharu mengenai penukaran

guru ini di mana guru-guru yang telah berkhidmat sekian lama di luar bandar diberi peluang untuk mengajar di bandar-bandar. Dan di dalam penukaran ini saya suka menyebutkan bahawa penukaran guru-guru daripada bandar keluar bandar bukanlah disebabkan adanya favourtism atau sebab-sebab yang tidak menasabah yang guru-guru ini ditukar daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Penukaran ini adalah berdasarkan kepada kehendak-kehendak perkhidmatan dan iktisas.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Bruas ada menyebutkan bahawa ada guru-guru yang baharu sahaja berkhidmat di luar bandar, oleh kerana guru itu ada sangkutpautnya dengan Pengelola atau seseorang pegawai yang ada di Pejabat Pelajaran. Saya harap perkara itu dapat dibuktikan, tetapi saya suka menegaskan lagi bahawa pertukaran guru-guru ini adalah berasaskan kepada kehendak-kehendak perkhidmatan dan iktisas dan saya suka menyebutkan di sini kalau ada guru-guru yang merasa tidak puashati atau jika ada di antara mereka itu merasakan bahawa pertukaran mereka itu disebabkan oleh sesuatu perkara yang tertentu, mereka boleh menyalurkan rasa tidak puashatinya itu kepada pihak-pihak yang tertentu untuk dapat ditimbang. Selain daripada membekalkan guru-guru yang terlatih dan menukarkan guru-guru yang mengajar mata-mata pelajaran tertentu daripada bandar keluar bandar, kita sekarang sedang melaksanakan rancangan pelajaran talivishen, terutama bagi membantu sekolah-sekolah yang di luar bandar ini.

Pada tahun lalu 500 buah peti talivisyen telah dibekalkan kepada sekolah-sekolah dan pada tahun ini 2,000 buah peti talivisyen akan juga kita bekalkan, terutamanya kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Bagi sekolah-sekolah yang di dalam bandar kita merasakan bahawa tiap-tiap sekolah itu mungkin mempunyai kewangannya yang cukup yang mana mereka itu boleh membeli peti talivisyen mereka sendiri. Selain daripada rancangan untuk membekalkan 2,000 buah set talivisyen ini sebanyak 1,000 buah generator akan juga dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang dapat siaran talivisyen pendidikan ini dan generator ini sudah tentu akan dibekalkan ke sekolah-sekolah luar bandar yang tidak mempunyai bekalan letrik. Dan mengenai rancangan talivisyen ini pada tahun lalu rancangan yang disiarkan ialah bagi

rancangan pelajaran bagi peringkat menengah sahaja, tetapi pada tahun ini pelajaran bagi peringkat rendah telahpun kita mulakan meliputi 4 mata pelajaran iaitu ilmu hisab, sains, tata-rakyat dan alam pendidikan. Rancangan TV ini daripada semasa ke semasa akan kita perbesarkan lagi dan ini disebabkan kerana sambutan yang diterima daripada kanak-kanak dan guru-guru terhadap pelajaran yang diberi melalui TV ini adalah sangat memuaskan.

Selain daripada itu di dalam usaha kita memperbaiki pelajaran bagi pelajar-pelajar kita di luar bandar, suka saya menyebutkan bahawa pada tahun ini satu kursus bagi kira-kira 600 orang guru-guru besar terutama guru-guru besar daripada luar bandar akan diadakan dan kursus ini ialah berhubung dengan pentadbiran pendidikan dan penguasaan moden bagi membolehkan guru-guru besar ini menjalankan kerja yang lebih berkesan dan bahawa mereka itu akan lebih bersikap development orientated dan professional orientated sesuai dengan kehendak-kehendak Rukunegara dan rancangan pembangunan negara.

Dengan adanya kursus ini dan panduan-panduan yang tertentu yang kita beri kepada guru-guru besar kita, kita harap pentadbiran sekolah-sekolah di luar bandar ini akan lebih sempurna lagi untuk memberi kesan yang cukup baik terhadap kemajuan pelajaran kanak-kanak di luar bandar itu sendiri.

Selain daripada itu, satu kesukaran yang dialami oleh sekolah-sekolah di luar bandar pada masa yang lalu ialah dengan wujudnya keadaan kewangan yang tidak mencukupi yang diberikan oleh Kementerian kepada sekolah-sekolah di luar bandar, terutama sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah murid-murid yang kecil.

Pada masa dahulu pemberian O.C.A.R. kadar bantuan pelajaran ini tidak dibezakan di antara sekolah-sekolah di bandar ataupun sekolah-sekolah di luar bandar. Tetapi semenjak tahun 1971, satu ketentuan baru dibuat di mana bantuan O.C.A.R. ini telah ditentukan bagi sekolah rendah iaitu bagi sekolah yang mempunyai 150 orang murid ke bawah, walaupun sekolah itu hanya mempunyai murid 100 orang, sekolah itu akan diberi bantuan sebanyak \$600 setahun. Mengikut peraturan sebelumnya kalau sekolah itu mempunyai 150 orang murid, bantuan untuk seorang murid itu \$4 maka

sekolah itu hanya mendapat \$600, tetapi kalau sekolah itu mempunyai murid kurang daripada 150 orang akan kurangnya peruntukan itu. Tetapi dalam peruntukan sekarang ini sekolah yang mempunyai murid 150 orang atau ke bawah mendapat \$600 bagi sekolah-sekolah lain iaitu bagi sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid lebih daripada 500 orang, maka bagi 500 murid yang pertama peruntukan itu ialah merupakan \$4 seorang setahun dan bagi sekolah-sekolah yang melebihi 500 orang itu maka peruntukan bagi seseorang murid itu ialah \$3.50. Dengan adanya peraturan yang baharu mengenai bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah ini, kita harapkan bahawa sekolah-sekolah itu akan dapat menggunakan kewangan yang bertambah ini bagi mengadakan alat-alat yang diperlukan untuk memperbaiki mutu pelajaran di sekolah-sekolah tersebut.

Mengenai pelajaran vokesyenal dan teknik yang banyak disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa pelajaran teknik dan vokesyenal ini sedang kita kembangkan di dalam semua peringkat untuk mencapai satu perimbangan yang lebih baik antara pelajaran akademik dengan pelajaran vokesyenal, teknik dan sains ini. Di antara 6 buah sekolah menengah vokesyenal dan 5 buah sekolah menengah teknik yang telah diluluskan di bawah Pinjaman Bank Dunia Yang Pertama, 2 buah sekolah menengah vokesyenal iaitu di Kuala Lumpur dan di Seremban telahpun siap pada tahun 1972.

Antara bakinya yang 4 lagi iaitu sebuah di Muar, sebuah lagi di Kangar sudah hampir siap dan yang dua lagi iaitu sebuah di Alor Star dan sebuah lagi di Kuala Trengganu dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebuah sekolah menengah teknik di Alor Star sudah pun disiapkan dan di antara 4 buah lagi iaitu sebuah di Seremban dan sebuah di Ipoh sudah pun hampir siap, yang 2 lagi iaitu di Melaka dan sebuah lagi di Johor Bharu akan siap pada akhir tahun ini.

Di dalam Rancangan Pinjaman Bank Dunia Yang Pertama ini kita membina 6 buah sekolah menengah vokesyenal dan 5 buah sekolah menengah teknik dan di dalam Pinjaman Bank Dunia Yang Kedua, kita akan membina 4 buah lagi sekolah menengah vokesyenal iaitu sebuah di Taiping, sebuah di Batu Tiga, Klang, sebuah di Temerloh dan

sebuah lagi di Kluang dan keempat-empat buah sekolah ini dijangka anak siap pada tahun 1974 dan 1975. Sambil itu kita juga akan membina sebuah lagi sekolah menengah teknik di Kuala Trengganu yang akan siap pada tahun 1974 dan 1975 dan ini adalah termasuk di dalam Pinjaman Kedua daripada Bank Dunia.

Saya telah menyebutkan bahawa jumlah pelajar-pelajar yang akan diterima masuk ke sekolah-sekolah menengah vokesyenal ini akan ditambah daripada lebih 7,000 tahun lalu kepada lebih daripada 10,000 pada tahun ini dan apabila rancangan pembinaan sekolah-sekolah vokesyenal dan teknik ini telah siap dijangka lebih ramai lagi kanak-kanak kita akan diberi peluang untuk mendapat pelajaran vokesyenal dan teknik ini.

Satu perkara yang ditimbulkan pada masa-masa yang lalu ialah apakah kemungkinan daripada kanak-kanak kita yang belajar di sekolah-sekolah vokesyenal ini terutamanya mendapat pekerjaan. Saya suka memklumkan bahawa pada tahun 1970 Kementerian Pelajaran telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat Pelajaran Teknik dan Vokesyenal. Tugas Jawatankuasa ini ialah memberi nasihat tentang jenis-jenis pelajaran teknik dan vokesyenal yang dikehendaki di negeri ini dan Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan dan juga wakil-wakil daripada pihak swasta. Jawatankuasa ini sedang berusaha untuk mencapai satu kerjasama yang baik dengan pihak swasta terutama dari segi pengambilan dan latihan penuntut-penuntut yang keluar daripada sekolah-sekolah vokesyenal ini.

Dengan adanya kerjasama dan hubungan yang baik ini kita harapkan bahawa prospek pekerjaan yang lebih baik dan juga kemudahan latihan yang lebih berkesan bagi murid-murid keluaran sekolah vokesyenal ini akan dapat dicapai.

Mengenai perkara gaji baharu dan syarat-syarat perkhidmatan baharu bagi guru-guru di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun bersetuju untuk memberikan syarat-syarat perkhidmatan yang baharu kepada guru-guru di Sabah dan di Sarawak dan ini terkandung di dalam satu lapuran yang mana lapuran itu adalah diasaskan kepada Lapuran Aziz.

Satu circular mengenai pelaksanaan perkara ini sedang dicetak dan diharapkan pelaksanaan syarat-syarat perkhidmatan yang baharu bagi guru-guru di Sabah dan Sarawak akan dapat dimulakan pada bulan hadapan.

Mengenai penempatan murid-murid di sekolah-sekolah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bruas, saya suka memaklumkan bahawa penempatan murid-murid ke Tingkatan I ini pertamanya adalah berasaskan kepada keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V yang dijalankan 2 tahun sebelumnya. Selepas kanak-kanak itu habis belajar di Darjah VI, Kementerian Pelajaran akan memilih calon-calon yang mempunyai pencapaian yang terbaik untuk ditempatkan ke sekolah-sekolah menengah berasrama penuh. Selepas itu calon-calon yang akan ditempatkan ke sekolah-sekolah menengah sains akan pula dipilih daripada jumlah yang besar itu dan seterusnya calon-calon yang akan ditempatkan di dalam Rancangan Khas Tingkatan I akan juga dipilih.

Selepas kita memilih calon-calon untuk sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah menengah sains dan kelas-kelas Tingkatan I Khas ini, maka kanak-kanak yang tidak terpilih di dalam pemilihan ini akan ditempatkan kepada sekolah-sekolah yang biasa yang mana penempatan murid-murid itu akan ditentukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Bagi sekolah-sekolah rendah yang ada sekolah menengahnya di dalam satu kawasan mereka akan ditempatkan terus ke sekolah yang berkenaan, tetapi bagi kanak-kanak yang belajar di sekolah-sekolah rendah yang mana sekolah-sekolah menengah rendah itu ada di kawasan yang lain, maka mereka akan diarahkan ke sekolah-sekolah tersebut. Dalam hubungan ini, saya rasa, sudah tentu tidak akan timbul satu masalah mengapa kanak-kanak itu lambat ditempatkan ke Tingkatan I ke sekolah-sekolah yang berkenaan.

Bagi penempatan murid-murid di Tingkatan IV perkara ini diasaskan kepada keputusan Peperiksaan L.C.E. atau S.R.P. di mana calon-calon yang mempunyai pencapaian yang terbaik akan dipilih untuk masuk ke sekolah-sekolah menengah berasrama penuh dan ke sekolah-sekolah menengah sains. Calon-calon yang lain yang tidak dipilih akan ditempatkan oleh Ketua

Pegawai Pelajaran Negeri ke Tingkatan VI samada di sekolah yang sama atau di sekolah-sekolah menengah atas yang berdekatan dan masalah menempatkan kanak-kanak ini ke jurusan sains atau jurusan sastera akan ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan dan biasanya perkara ini dijalankan sebelum sekolah dibuka. Jadi masalah kanak-kanak daripada satu sekolah yang lain ditempatkan ke Tingkatan IV di sekolah yang lain dengan secara lambat, saya rasa tidak timbul, tetapi satu masalah yang timbul kadang-kadang ada sebuah sekolah menengah rendah sampai di Tingkatan III memerlukan atau memohon kepada Jabatan Pelajaran supaya di sekolah tersebut diadakan Tingkatan IV.

Jabatan Pelajaran Negeri hanya boleh membenarkan sebuah sekolah menengah rendah membuka Tingkatan IV di sekolah tersebut jika jumlah kanak-kanak yang lulus S.R.P. atau L.C.E. daripada sekolah-sekolah itu memenuhi syarat untuk membuka kelas-kelas tersebut. Kalau misalnya daripada sebuah sekolah itu hanya 10 orang atau 15 orang ataupun paling tinggi 20 orang sahaja yang lulus L.C.E. atau S.R.P.nya maka sekolah itu sudah tentu tidak akan diberi izin untuk membuka Tingkatan IVnya dan dalam keadaan yang demikian kanak-kanak yang lulus daripada sekolah itu akan ditempatkan ke sekolah menengah atas yang berdekatan sekali dengan sekolah yang asalnya tetapi kadang-kadang oleh kerana ada sebab-sebab yang tertentu kanak-kanak yang sudah ditempatkan ke sekolah yang satu lagi ini tidak mahu bersekolah di sana dan mengatakan bahawa ianya belum lagi diberikan sekolah. Ini saya fikir adalah satu perkara biasa yang berlaku, tetapi dari segi Kementerian Pelajaran penempatan murid-murid ke sekolah-sekolah menengah atas ini dijalankan dengan sempurna daripada tiap-tiap tahun.

Mengenai perkara buku teks yang banyak ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa kesulitan yang dialami pada awal tahun ini mengenai bekalan buku teks yang tidak mencukupi sebagaimana yang disebutkan bukanlah satu perkara yang sengaja dibuat, akan tetapi oleh kerana kita sedang melaksanakan satu sistem yang baharu mengenai buku-buku teks ini dan disebabkan sistem yang baharu ini dan tambahan pula adanya pelaksanaan ejaan baharu maka pihak penerbit merasakan perlu menyesuaikan

penerbitan buku ini dengan sistem yang baharu dan juga menyesuaikan buku-buku tersebut dengan ejaan-ejaan baharu. Saya rasa masalah buku-buku yang tidak sampai atau tidak mencukupi ini telahpun ada dibekalkan dengan secukupnya kepada kedai-kedai buku dan masalah harga Kementerian Pelajaran sendiri memang mengharapkan bahawa harga buku-buku teks yang dijual ini setidak-tidaknya tidak akan mendatangkan sesuatu keberatan yang besar kepada ibu-bapa, terutama ibubapa yang kurang mampu untuk membeli buku-buku teks tersebut dan sebagaimana yang telah kita sebutkan kita telah berunding dengan pihak-pihak penerbit yang pihak penerbit telah bersetuju untuk mengurangkan harga-harga buku itu sebanyak 10% pada tahun ini dan akan terus mengurangkan harganya sebanyak 10% pada tahun hadapan dan selain daripada itu bagi kanak-kanak yang ibu-bapanya kurang mampu untuk membeli buku-buku teks kita ada menyediakan peruntukan lebih daripada \$2 juta setahun bagi membantu kanak-kanak yang tidak mampu membeli buku-buku teks ini dan peruntukan ini akan kita tambah jika sekiranya dirasakan perlu dan dalam hubungan ini saya sama sekali tidak bersetuju bahawa kalau kanak-kanak ini tidak ada buku teks disebabkan ibu-bapanya itu miskin mereka akan menjadi cicir daripada sekolah-sekolah dan akan menjadi anasir yang tidak berguna kepada masyarakat.

Kita telah menyebut beberapa kali bahawa masalah kemiskinan ini tidak seharusnya menjadi halangan bagi setiap orang kanak-kanak mencapai pelajaran yang setinggi-tingginya.

Kita mengadakan rancangan bantuan buku teks ini dan selain daripada itu kita mengadakan rancangan biasiswa untuk membantu kanak-kanak yang baik pelajarannya tetapi miskin. Bagi kanak-kanak yang tidak mampu membayar yuran kita ada menyediakan kemudahan tempat percuma di sekolah-sekolah bagi kanak-kanak tersebut.

Pada masa ini tempat percuma yang disediakan ialah sebanyak 10% daripada jumlah murid-murid di dalam sesebuah negeri. Kalau misalnya di Selangor ini ada 100,000 orang murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah menengah maka 10,000 daripada tempat di sekolah menengah itu akan disediakan dengan percuma, tetapi jika sekiranya peruntukan 10% bagi sesebuah

negeri itu tidak mencukupi untuk menampung ramai kanak-kanak yang ibu-bapa mereka itu tidak mampu membayar yuran, maka kita akan menimbangkan, kita boleh menimbangkan untuk menambahkan jumlah tempat-tempat percuma bagi kanak-kanak yang tidak mampu membayar yuran.

Mengenai perkara tunjuk perasaan yang berlaku di Politeknik Ungku Omar pada hari semalam dan juga pada hari ini Kementerian Pelajaran masih menunggu satu laporan lengkap daripada Pegawai Pelajaran Negeri Perak mengenai kedudukan perkara ini dan untuk sementara waktu, saya rasa sebelum laporan yang lengkap itu diterima, saya tidak dapat membuat satu kenyataan apa-apa, tetapi apa yang hendak saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa hal ini ada dalam makluman dan menurut berita yang terakhir yang diterima selepas Pengetua Maktab membuat rundingan dengan pelajar-pelajar di Politeknik tersebut, maka tunjuk perasaan itu telahpun diberhentikan.

Mengenai kedudukan guru-guru rakyat yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa kita sekarang sedang menjalankan satu survey mengenai guru-guru rakyat dan guru-guru sementara, baik Guru Sementara Cina dan Tamil dan satu panduan akan dibuat hasil daripada survey ini untuk menentukan kedudukan mereka itu. Tetapi bagi Guru-guru Sementara Sekolah Cina suka saya menyebutkan di sini bahawa mereka ada diberi peluang jika mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran untuk diberi latihan samada di maktab atau semasa cuti sekolah untuk menjadi guru-guru tetap dan demikian pula dengan Guru-guru Sekolah Tamil. Bagi guru-guru rakyat ini, pada masa dahulu mereka yang mempunyai kelulusan yang minima pun telah kita beri peluang untuk mendapat latihan dan seterusnya menjadi guru-guru yang tetap dan mereka yang lain ini yang masih belum lagi seperti mana yang saya katakan tadi kita sedang mengadakan kajian dan satu ketentuan akan dibuat mengenai kedudukan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur ada menyebutkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak melaksanakan pelajaran bahasa ibunda kepada kanak-kanak di sekolah sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan. Saya

menganggapkan bahawa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai menunjukkan satu ignorance daripada beliau sendiri, kerana seperti mana yang ada sekarang ini tiap-tiap sekolah yang mana ada 15 orang kanak-kanak atau lebih yang memerlukan pelajaran bahasa ibundanya akan diberi pelajaran tersebut dan guru-guru untuk mengajar bahasa ibunda itu akan juga disediakan.

Dan suka saya menyebutkan di sini juga di dalam latihan guru-guru yang ada sekarang ini kita telah melatih pada tahun 1971 kira-kira sebanyak 60 orang guru yang diambil untuk di latih bagi menjadi guru bahasa Cina dan jumlah ini telah meningkat kepada 180 orang pada tahun ini. Dengan adanya rancangan yang serupa ini, maka perbekalan guru bahasa Cina untuk mengajar bahasa Cina itu dari semasa ke semasa akan dapat kita bekalkan kepada sekolah-sekolah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan mengenai masalah keciciran. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maklum bahawa Kementerian Pelajaran sedang menjalankan satu kajian mengenai keciciran ini dan sebagaimana yang telah dijanjikan bahawa laporan mengenai keciciran ini akan dikeluarkan pada akhir tahun lalu. Akan tetapi suka saya menyebutkan di sini bahawa kajian keciciran yang dijalankan itu adalah hampir siap dan kajian itu mengambil masa yang agak lama bagi menyiapkannya oleh kerana bidangnya adalah sangat luas dan menyeluruh serta di dalam membuat kajian itu ada beberapa masalah teknik yang tidak dapat dielakkan. Demikian pula inilah kali yang pertama kajian yang menyeluruh serupa ini pernah dijalankan samada di negara kita mahu pun di rantau ini.

Soal yang sebenarnya bukanlah atas kemampuan pihak Kementerian membuat kajian itu, tetapi masa iaitu untuk menyiapkannya di dalam waktu seberapa cepat yang dapat. Satu perkara yang merumitkan kajian itu dan yang melambatkan kerja ialah disebabkan banyaknya data-data yang hendak diproses. Kita menggunakan computer untuk memproses data-data ini dan computer yang kita gunakan adalah computer yang kecil dan dengan itu kemampuan mempercepatkan kerja memproses data-data tersebut adalah terbatas. Sungguhpun banyak data telah diproses tetapi

analisa yang muktamad tidak dapat dibuat sehingga semua data itu telah diproses sepenuhnya. Kalau cara ini tidak dilakukan, maka analisa yang dibuat tidak dapat memberi prospective atau gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu keadaan yang tertentu di dalam masalah keciciran ini. Memandangkan masalah keciciran merupakan satu masalah yang serious adalah sangat penting satu gambaran yang sejelas-jelasnya diperoleh daripada kajian itu agar langkah-langkah yang berkesan dapat diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pegawai-pegawai yang ditugaskan bagi menjalankan kajian ini akan bekerja dengan seberapa keras untuk menyiapkan kajian ini dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya tidak akan memanjangkan lagi jawapan saya ini, sebagaimana saya maklumkan tadi perkara-perkara lain yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ambil perhatian dan mana yang dapat akan kita laksanakan. Sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan cadangan-cadangan serta kritikal di dalam membahaskan perbelanjaan bagi Kementerian ini dan dengan itu saya mohon supaya peruntukan yang dibentangkan itu menjadi sebahagian daripada jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$629,801,629 untuk Kepala B. 20; dan \$70,822,360 untuk Kepala B. 21 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$113,781,900 untuk Kepala P. 20; dan \$29,114,900 untuk Kepala P. 21 disetujui menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala B. 22 dan P. 22—

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya dengan hormatnya mencadangkan supaya perbelanjaan sebanyak \$27,215,030 untuk tahun 1973 yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 22—Kementerian Luar Negeri diluluskan. Ini adalah termasuk Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan seperti yang telah dicatitkan di dalam buku Anggaran Belanjawan Persekutuan, 1973.

Program-program Kementerian Luar Negeri adalah diuruskan oleh lapan aktiviti dan jumlah besar peruntukan ini dibahagikan mengikut aktiviti-aktiviti yang tersebut. Aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

- (1) Pentadbiran Awam.
- (2) Politik.
- (3) Penyelidikan.
- (4) Penerangan luar negeri.
- (5) Konsular.
- (6) Ekonomi dan Kerjasama Daerah.
- (7) Perhubungan.
- (8) Protokol.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini akan meneruskan kegiatannya untuk memprojeikan imej baik Malaysia dan tujuan-tujuan dasar Kerajaan kita.

Dalam lapangan politik pula tahun 1972 telah membuktikan betapa giatnya aktiviti ini dan bolehlah dikatakan tahun yang berhasil. Kementerian ini telahpun terlibat khususnya dalam pelaksanaan tujuan dasar Kerajaan Malaysia untuk perkecualian rantau Asia Tenggara sebagai suatu daripada jalan yang penting untuk menyelenggarakan keamanan dan stabiliti di rantau ini, maka aktiviti ini akan diperbesarkan lagi dalam tahun ini iaitu 1973. Sementara itu, Tuan Pengerusi, langkah-langkah telahpun diambil dan akan diteruskan lagi untuk memperiratkan perhubungan baik kita dengan semua negara-negara lain tidak mengirakan sistem politik atau idiologi mereka asalkan mereka sanggup berbaik dengan kita.

Kementerian ini akan meneruskan peranan cergasnya yang kian bertambah dalam forum-forum antarabangsa disamping mengambil apa jua initiative sejajar dengan tujuan nasional dan kehendak-kehendak negara untuk mencapai keamanan dan keselamatan dunia.

Dalam tahun 1972 Malaysia telah menyertai dalam beberapa aktiviti-aktiviti pertubuhan antarabangsa dan aktiviti-aktiviti ini akan diperkuatkan dan diperhebatkan lagi dalam tahun 1973.

Tuan Pengerusi, oleh sebab penjelasan dengan teliti telah dibuat dan tercatat di dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan Tahun, 1973, Buku Merah ini di muka 376, maka tidaklah perlu pada fikiran saya menjelaskan lagi di dalam Dewan ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, izinkan saya mencadangkan wang sebanyak \$27,215,030 untuk diluluskan.

Tuan Peter Paul Dason: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to Head B. 22, page 189, Sub-head 1100, Salaries and Wages. The Ministry of Foreign Affairs in order to be run, must have its officials and these officials sit on separate Desks in charge of different areas of the world and it is their function to give advice to the Minister and the Government.

It would appear that the officials in charge of the various areas are not doing their jobs too well. Tuan Pengerusi, when the trouble started in Bangladesh and later when so many of the countries in the world recognised Bangladesh, it would appear that our Government then was dragging its feet. If it had been properly advised by its officials, Ambassadors, High Commissioners and the officials stationed overseas and those in Malaysia, in Kuala Lumpur, responsible for the Desk for that region of the world, then they should have realised that sooner or later we would have to recognise Bangladesh. Those are the facts of life. Instead of extending our hand at once when Bangladesh became a reality, we dragged our feet. Instead of winning the friendship of 75 million people of Bangladesh immediately, by dragging our feet we lost their goodwill. We could recover it back, but it would take time. Their attitude towards us must necessarily be coloured by what happened and today whilst the Government has announced the name of the future High Commissioner for Dacca, our High Commission or Embassy is not yet opened. Why is this so? Why is this delay taking place? We know from experience that while we delay, we are forced to recognise events moving that way. We know we have to send our High Commissioner there sooner or later; yet we delay. It would appear, Tuan Pengerusi, that this is the same disease of not wanting to see a bit further than our noses; it is a disease that is not only applicable to that area of the world but all over the place.

The same attitude is expressed by the Government towards the question of having diplomatic relations with China. We seem to delay it. There are also a lot of conditions imposed. I do not think, Tuan Pengerusi, it helps matters to try and have conditions before you have relations with China. The

Deputy Minister of Defence earlier stated that we want to have friendly relations with those who want to have good relations with us. How do you go about this? Would it not be better to recognise China? It is a fact that we will have to recognise China sooner or later and we will have to open our Embassy there. Just as in the case of Bangladesh, why drag our feet any further? You may come to a stage when China may not care very much for your friendship. Then you don't reap any benefits out of it. Do it now and perhaps their attitude towards us at a later stage may be conditioned by what we do now if we recognise China now.

Tuan Pengerusi, we recognise the Republic of West Germany; and yet we do not recognise East Germany. Why? It is a fact. Even the West Germans have begun to accept the fact of East Germany. Why do we not accept that fact that they are there as two States? The rest of the world has begun to accept that fact. Why must we delay? Is it because the party in power there is a Communist Party? If that be the case, then there is no logic in our recognising the Soviet Union. There also the Communist Party rules. In what way does East Germany endanger our security? Arguments could be put up in the case of Communist China, which do not really hold water. But at least some arguments have been put up to resist the call for immediate recognition of Communist China. But in the case of East Germany, what are the arguments? Where is the logic? There seems to be none. Everything seems to be haphazard. I, therefore, urge the Government to recognise all countries irrespective of their ideology. All communist countries that exist today ought to be recognised by our country and we should have diplomatic relations with all of them. I would say that as the experience in regard to our opening diplomatic relations with the Soviet Union has shown, having diplomatic relations with the other communist countries will not, I believe, in any way endanger our security. It can enhance our desire to have this place neutralised and it is a sheer contradiction, Tuan Pengerusi, to go on with the 5-Power Defence Pact and at the same time talk of neutrality and on top of that recognise some States and do not recognise others. I do not see how Government's loudly-proclaimed desire for neutrality is helped if we believe that the Republic of Indonesia shares the same views as we have,

to have this area neutralised. Yet we find that the Indonesians do not see any contradiction in having relations with a lot of Communist countries. How then can we justify, in our case, that it would endanger, say, neutralisation of South East Asia, by recognition now? Tuan Pengerusi, it would appear that the prejudices of individuals or parties are being allowed to direct our foreign policy and this is wrong because when foreign policy decisions are being made, Tuan Pengerusi, it should not be the prejudices of individuals or Ministers or even parties that finally decide what we do but what is in our long-term interest. Nothing else.

So, Tuan Pengerusi, I hope that our Government would give due thought to the call that I have made, that we recognise all communist countries that exist in the world without first imposing conditions and do so immediately.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan ringkas sahaja dalam menyokong Kementerian yang berkenaan yang telah membawakan anggaran perbelanjaannya untuk diluluskan di Dewan ini.

Gemar saya membangkitkan dalam pentadbiran iaitu Penerangan Luar Negeri. Tugasnya memberi penerangan kepada negara-negara asing melalui perwakilan kita untuk mempertunjukkan imej baik Malaysia dalam berbagai bidang.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, saya nampak yang baik bagi membekalkan perwakilan kita dalam alat pertukangan tangan Melayu dan juga bahan-bahan perak.

Selain daripada itu, patut ditambah lagi dengan gambar-gambar Filem Negara sekiranya dapat dipertunjukkan di panggung wayang dalam negara tersebut hatta dikenakan pembayaran sudah tentu negara-negara sahabat kita akan membenarkan.

Yang keduanya, buku-buku sejarah di Malaysia hendaklah dicetak dalam berbagai bahasa yang terbesar di dunia ini. Jangan hanya setakat dalam bahasa Inggeris. Setelah itu diedarkan kepada perwakilan kita supaya dapat negara-negara luar mengetahui dengan luas berhubungan dengan sejarah Malaysia.

Yang ketiganya, kita patut menggalakkan lebih ramai wartawan-wartawan asing yang ada hubungan diplomatik dengan negara kita. Demikian juga sebahagian wartawan-wartawan kita patut melawat ke negeri tersebut. Ini adalah mempunyai kesan yang baik melibatkan lagi perhubungan kita antarabangsa dan akan memperkembangkan pula hubungan perdagangan. Dalam perkara ekonomi dan kerjasama daerah, aktiviti kita sebahagian besarnya ditujukan ke arah ASEAN dengan tujuan menggalakkan dan menjaga kepentingan ekonomi Malaysia. Tetapi menurut pendapat saya, bidang ekonomi kerjasama di daerah ini tidak sempurna dan tidak berjalan dengan licin selagi masaalah ini belum dapat disempurnakan iaitu bagi kemajuan yang kedua iaitu setiap kali patut negara-negara ASEAN ini mendapatkan seberapa segera yang boleh bagi mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republic Cina samada menyambung semula seperti Indonesia ataupun negara-negara ASEAN yang lain kerana keadaan kawasan ini telah memaksa berbuat demikian, seperti yang dilakukan oleh Kerajaan New Zealand dan Kerajaan Jepun. Dan ASEAN juga patut menambah lagi anggota-anggotanya daripada 5 kepada 10 buah negeri seperti Burma, Republic Khmer, Vietnam Utara, Vietnam Selatan dan Laos supaya dapat benar-benar kita berada dalam kawasan yang berkecuali.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya berbangga apa yang telah diamalkan atau yang telah diperbuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merangkap Menteri Luar Negeri dengan menunjukkan perasaan muhibbah dengan negara-negara yang tidak membuat hubungan diplomatik dengan negara kita iaitu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat Austria, negara-negara Eropah Timur telah membenarkan duta-duta kita di luar negeri menghadiri Hari Kebangsaan Republic Rakyat Cina. Oleh itu, saya mengharapkan kedutaan kita di luar negeri bila mana menyambut Hari Kebangsaan Malaysia, patut menjemput duta-duta luar negeri kita yang ada hubungan diplomatik dengan kita, dengan dikecualikan Kerajaan Israel kerana dengan langkah ini dapat kita menghubungkan negara-negara itu walau tidak rasmi tetapi akan dapat diharapkan menjalin hubungan diplomatik kelak yang memberi faedah kepada negara kita.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Kepala B. 22, pecahan-kepala Pentadbiran Am, Politik, Konsular dan Protokol, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) As we know, Tuan Pengerusi, Malaysia by itself in South East Asia is a small country, although we can boast of having 150,000 square miles of territory. Yet in comparison with big countries, we are quite small and therefore, it is pleasant to note that the Government in the past had been declaring a stand of non-alignment and that it wants to be friendly with all countries, big or small, which I think is a very logical and a very good step to take. But while it proclaims to be non-aligned, while it proclaims to be friendly and wants to be friendly with all nations, somehow or other in the implementation of these objectives, there seems to be quite a lot of obstruction in the way when it comes to matters of recognition of China and matters of co-operation with our immediate neighbours—members of Asean, i.e. Thailand, Singapore, Indonesia and the Philippines.

Let us take the question of co-operation among Asean members first. We ourselves here profess that we follow a policy of neutralisation and in fact the five Asean countries who met in Kuala Lumpur signed a common Declaration on the neutralisation of South East Asia. But here we see that there is a conflict in the manner of how neutralisation is to be brought about. While Malaysia has said that as soon as it can be brought about there would not be any need for any bases in Malaysia, in our own country, Thailand has a different view. It feels that foreign bases and foreign military presence need to be around in Thailand itself to safeguard its sovereignty and help itself to defend against a possible Communist resurgence, despite the fact that there may be peace in Vietnam. So all this will probably have to be thrashed out and this conflict of opinions probably will be solved later at some meeting of Asean countries.

But with Thailand itself, one or two incidents had shown that we have not been very accommodative. For example, the question of the unfortunate shooting of 6 Thai soldiers at the border. When that happened, there were conflicting statements

coming from both sides. Both sides gave different views. Malaysia said that it was an accident and terrorists were involved. Later on this was denied when it was found that these people who were shot were Thai personnel. Then later, there were various reports in many papers saying that these 6 people were not shot immediately but were tortured before they were killed. So all these things tend to provoke misunderstanding and tension between Thailand and us, which I think was not necessary if things were clarified and investigated straightaway and clear statements had come forth straightaway from the authorities. Then there need not be this question of suspicion on both sides.

Then again, there is this problem of the irredentist movement in Southern Thailand where Thai Muslims want a separate country or State for themselves and, as you know, Chin Peng and his friends in the jungle are always using this problem to their advantage and play upon the sensitivities of the people down there and clamour for a separate Muslim State.

Now, to keep friendly ties with Thailand what is Malaysia's policy towards this irredentist movement? I have not anywhere read that Malaysia itself is completely disassociated from this movement. In fact, by being silent, it may appear to the Thai Government that we are in fact supporting quietly, surreptitiously the people who want a separate Muslim State. So, therefore, the Government should come forward with a clear-cut statement and declare their stand on this irredentist movement so as not to jeopardise relations with Thailand or cause tension between our two countries, both of whom should be on the friendliest terms.

Then again there was a report also in various foreign journals saying that in the revolt of the Muslims in Sulu Archipelago, who are very unhappy with the Government of the Philippines for neglecting them and for not helping to uplift their standard of living, Malaysians are also involved in that Sulu Muslim rebellion movement. Here again the Government must clarify its stand to avoid any misunderstanding. We proclaim that we want to be friendly with all Asean countries and these are instances, they are not small instances but they are quite important, and therefore we should come out with our clear-out statement and say that we completely

disassociate from such movements which interfere in the affairs of the neighbouring countries.

Then, on a matter of recognition of China which my colleague for Penang Utara has already touched upon—I will not repeat what he has said—but I would like to recall that the Honourable Prime Minister himself has said before that there were many obstacles and that unless China proclaims that it will not interfere in the internal affairs of Malaysia it is not possible to establish diplomatic relations. Well, since then, much water has run under the bridge. Japan and China have established relationships on the basis that each country would not interfere in the affairs of the other country and that China itself has proclaimed that they observed the five principles of Pancasila—mutual co-operation, non-interference, and all that. Therefore, the excuse given by the Honourable Prime Minister before does not hold water any more. Later on when he was again questioned in Parliament as to why Malaysia has still not established relationship with China, he said that we must consult our Asean neighbours, we must find out how they feel first, but then Radio Jakarta came out with a report that Tun Adam Malik, the Foreign Minister of Indonesia, said that Malaysia could recognise China any time she wants and that she need not consult Asean. This is on record and this is not something of my own concoction. Therefore, the excuse again that Malaysia should consult neighbouring Asean countries does not hold water. Why therefore do we have to delay this recognition? I do not see any reason. We stand to gain much through an early establishment of diplomatic relations with China. I therefore can only conclude that the question of delay in recognition of China is for a purely selfish motive. As you know, we have seen that the Budget itself is an election-minded Budget. It is geared for the coming election, maybe this year, maybe next year and therefore it is highly likely that the Alliance Government will delay recognition until the eve of elections when it will announce it then to its own advantage. It is all motivated by purely selfish reasons and not for anything else. I think in the interest of the country this is most reprehensible and should be put right straightaway.

Then, Sir, there is a vote here for expenditure for Consular establishments throughout

the world. I am glad that we have quite a number of Consular representatives. In fact, there should be more so that we can establish better relationship with other countries throughout the world, but here again I have heard complaints, maybe rumours, but complaints, saying that some of our Consuls or Ambassadors or Agents are not very serious with the work of establishing relationships with other countries and that they are not so dedicated as we expect them to be. In fact, some of them when they come back say that it is all just a matter of going from one cocktail party to another. They just go on a cocktail circuit. Is that what a Consular representative is supposed to be? I think that is a very false and dangerous concept. These people are paid well and the country has spent a great deal of money to establish Consular Offices in other countries and not only must they be serious and dedicated in their work and establish as many contacts as possible, but I think these same people, in order to conserve finance, should also be taught how to establish economic or business contacts in the country where they are, so as to lure the businessmen to invest here—to lure many manufacturers and industrialists to come to Malaysia and put in their investment here. So, therefore, the role of the Consular Representatives in other countries should not only merely be a diplomatic offensive to establish friendly relationships with other countries, but also to entice and lure investors to come to Malaysia to put their money here.

Tuan Pengerusi, the Vietnam war appears coming to an end very soon by all accounts. This, I think, begins a new era for the countries in South East Asia and as the Honourable Minister of Information had said in London—according to reports he said that Malaysia should gear itself in the reconstruction of the region, of Vietnam in particular. I think this is a very sound and good advice and therefore I hope that Malaysia will take the initiative and gear itself for the future reconstruction of South East Asia, especially Vietnam and be prepared for the tremendous task ahead. But, first of all, I think Malaysia itself should have some form of economic co-operation among Asean countries and form a basis and from there it can launch itself and invite Vietnam, South Vietnam or North Vietnam to participate, if possible, in this form of co-operation.

I don't think Malaysia is to be blamed alone for having been slow in establishing a common market. It is not an easy process but I think it is an important process. If, as we say it, we want to participate in the reconstruction of Vietnam, a common market is essential. But so far the signs are very few for economic co-operation. Even in the matter of tourism, there is not much co-operation actually. Take, for instance, the question of Singapore tourists coming to Malaysia. If you have the experience, you will know that every day there are long lines of Singaporeans waiting at the Causeway to get through the Customs and Immigration check-points to come to Malaysia to visit its tourist spots—Port Dickson, Kota Tinggi, Penang and other areas. Now, do we want tourists to visit our country, or do we not? If we want, then we must see that these things are streamlined, that there should be no unnecessary bureaucratic measures taken against genuine tourists. All these measures of obstruction and delays should be swept aside. Tourists from all countries whether they be from Thailand, Singapore or Indonesia should be allowed as much freedom of movement as possible. But what do we find? Long queues of cars at the Causeway waiting in the hot sun, waiting for hours to pass through the Immigration check-points at Johore Bahru. This sort of things should not be allowed to carry on for too long; otherwise it defeats the whole purpose of Asean co-operation, and therefore I urge the Ministry concerned to take note of these irregularities and to pave the way for Malaysia as a non-aligned country to open her arms to all the peoples in the world whether they be from the Asean countries or from the bigger countries. Thank you, Tuan Pengerusi.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj bin Tengku Ahmad: Tuan Pengerusi, izinkan saya dengan ringkas menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara telah menyebutkan soal Bangladesh, dan izinkan saya menjawabnya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) On Bangladesh we were one of the earliest countries that have extended recognition and, in fact, the first Muslim country that has recognised Bangladesh. We

have extended assistance to alleviate hardships there. The Foreign Minister of Bangladesh has visited us here and publicly acknowledged the closeness of the relationship between our country and Bangladesh. Our High Commissioner is now in Dacca and a High Commission or Embassy has been established.

Mr Chairman, Sir, on the question of relationship with China, I would like to state that the Honourable Prime Minister has stated quite clearly and categorically in this House repeatedly, again and again, as regards the relationship of China with our country and it is clearly evident from these statements of the Honourable Prime Minister our stand with regard to China, and accordingly it is my submission, Sir, that there is no necessity for me to repeat again what he has said so clearly.

Our reason for not extending recognition to East Germany is that we do not wish to upset the intricate state of relationship between the two Germanys while they are seeking to find an accommodation among themselves. The Malaysian Government is prepared to have relation with all countries that genuinely wish to have relationship with us on the basis of mutual respect and goodwill and we will have relationship with all countries that reciprocate our goodwill and we will do so towards them.

With regard to what has been said by the Honourable Member for Pulau Pinang Utara with regard to the Five-Power Defence Arrangement being inconsistent with our call for neutrality, the Prime Minister has spoken again and again on this and it is evidently clear from his declaration our stand and I find no cause for me to comment here further.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyebutkan barang-barang pertukaran berhubung dengan wartawan-wartawan ini, kita ada di dalam perhatian dan jikalau perlu daripada suatu masa ke suatu masa kita akan menimbangkan dan melaksanakan apa yang telah ditegorkan itu.

Tuan Pengerusi, I now come to the third speaker, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur. He has said a few things with regard to the non-alignment policy of our Government. As I have said earlier, we would like to make friends with all countries irrespective of their ideologies and political inclinations

and I would give in reply to the statement of his on our stand with regard to that policy.

Mr Chairman, Sir, there is no conflict of ideas on the question of neutrality among the Asean member countries. They all, Sir, subscribe to the Kuala Lumpur Declaration but until such time as neutralisation is achieved, all countries in the region must be allowed to look after their defences with the means that they think best. The trouble in the Philippines is an internal matter where we have no right to interfere, as is also the case where there is a problem in other countries, for example in Thailand, and it is not right for us to make any comment lest it would not be consistent with our stand. I personally feel that the Honourable Member should not have brought up this issue and I therefore feel that it is not necessary for me to reply to what has been said of the trouble that happened in the Philippines and in other countries where it is an internal matter.

Sir, the Honourable Member for Seremban Timur mentioned the shooting at the border where six Thai personnel were killed. I am sorry to say that the Honourable Member has not got rid of the misunderstanding which has clouded his mind, until now, I would like to say categorically that it has been cleared and, in fact, the Prime Minister of Thailand has said that it was their mistake that this happened. He has made it clear that the relationship between our country and Thailand has been very close and he regretted that this incident happened. We have paid compensation to the next of kin of the victims of that incident as ex-gratia payment, and I feel it was indeed made clear at the last Parliamentary meeting that this matter has been closed and clearly clarified to all not only with Malaysia but throughout the world. Indeed, it is most unfortunate that the Honourable Member mentioned about certain allegations that assaults had been committed in this case. I categorically deny what has been said. There is no basis or element of truth whatsoever in the allegation. I am sorry that such a statement should have come without any substantiation at all from the Honourable Member.

Sir, I feel that is all I can say in brief to what the Honourable Member has said. If there is anything that has not been replied to specifically I shall note all the comments and

whatever has been said for the good of the country shall be noted by the Ministry of External Affairs and shall be implemented where considered to be necessary.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$25,315,030 untuk Kepala B. 22 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Jadual; dan \$1,900,000 untuk Kepala

P. 22 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.